# Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Buku Teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu Sekolah Menengah Persendirian Cina: Satu Analisis dan Perbandingan

Prof Madya Dr. Chew Fong Peng

**Abstrak:** Kajian kualitatif ini bertujuan untuk menganalisis dan membandingkan kandungan buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan dan Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu di Sekolah Menengah Persendirian Cina. Pengkaji menggunakan analisis data anekdot sebagai teknik pengumpulan data dan analisisnya. Fokus kajian adalah pada isi kandungan, aktiviti dan soalan yang dipaparkan serta format persembahan buku teks selain membandingkan objektif dan strategi pengajaran. Data dikumpul secara kualitatif berdasarkan borang analisis data anekdot yang diadaptasi oleh penyelidik daripada kajian lepas.

Dari aspek penyampaian kandungan, buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 adalah lebih terperinci susunannya. Paparan ilustrasi buku teks ini lebih menarik dengan pelbagai ilustrasi dalam setiap tema pembelajaran. Namun dari aspek soalan dan aktiviti, penilaian dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 tidak mengikut aras Taksonomi Bloom. Dari aspek persembahan kandungan, buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu adalah lebih ringkas dan padat. Kandungan pembelajaran lebih menumpu pada kemahiran bahasa dalam pembelajaran bahasa Melayu. Dari aspek reka bentuk grafik, buku teks ini lebih ringkas dan minima bilangannya. Aspek aktiviti, soalan pemahaman dan latihan juga mudah kerana kebanyakannya bertahap rendah. Ini sangat berbeza dengan buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 yang mempunyai banyak aktiviti dan mengaplikasikan strategi dan kaedah pengajaran Abad ke-21. Oleh itu, buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu boleh diperhalusi dengan merujuk kepada kelebihan buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 untuk melahirkan pelajar yang mahir dalam bahasa Melayu.

**Kata Kunci:** Analisis kandungan, anekdot, buku teks, Bahasa Melayu, Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Menengah Persendirian Cina

# 国民中学中四《马来文课本》和华文独立中学高一《马来西亚文课本》：分析与比较

周芳萍副教授

**【摘要】**此本质性研究旨在分析和比较国民中学的中四《马来文课本》与华文独立中学的高一《马来西亚文课本》。研究者使用了轶事分析法作为数据收集和分析的技术。研究的重点在于所展示的活动内容和问题，以及课本的呈现格式，同时也比较了教学目标和教学策略。数据通过研究者根据以往研究改编的轶事分析表格进行定性收集。

在内容呈现方面，国民中学中四的《马来文课本》具有更详细的结构安排，其插图展示更为吸引人，每个学习主题都包含各种插图。然而，在国民中学中四的《马来文课本》中，问题和评估活动并未遵循布鲁姆分类法的不同层次。在内容呈现方面，高一的《马来西亚文课本》较为简洁精炼，学习内容主要集中在马来文语言技能的学习上。其图形设计较为简单，数量较少，理解问题和练习大多较为简单，通常处于低层次。这与国民中学中四的《马来文课本》形成了鲜明对比，后者包含更多的活动，并采用了21世纪教学策略和方法。因此，高一的《马来西亚文课本》可以借鉴国民中学中四《马来文课本》的优点，以培养在马来文语言技能上更为熟练的学生。

**【关键词】**内容分析，轶事，课本，马来文，国民中学，华文独立中学

*备注：中文摘要由编者翻译

## 1.0 Pengenalan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang terkandung dalam Akta Pendidikan 1996 menekankan bahawa pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini dapat difahami bahawa Akta Pendidikan di Malaysia sangat memberatkan potensi murid dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani bagi melahirkan individu yang mencapai kejayaan bukan sahaja buat diri sendiri, malah buat

masyarakat dan negara. Manakala, Kurikulum Kebangsaan adalah suatu program pendidikan termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan (Akta Pendidikan, 1996).

Pada tahun 2017 pula, kerajaan Malaysia telah melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) secara berperingkat bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Kurikulum berasaskan standard ini menjadi panduan antarabangsa di imana ia telah dijelmakan dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi semua mata pelajaran. Melalui DSKP, murid dapat ditaksir secara berterusan bagi mengenal pasti tahap penguasaan mereka dalam sesuatu mata pelajaran dan juga membolehkan guru untuk membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

Sejajar dengan transformasi kurikulum sekolah rendah yang digunakan sejak 2011, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Bahasa Melayu telah digubal semula. Kurikulum baharu berdasarkan standard ini mengandungi Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP) dan Standard Prestasi yang didokumenkan sebagai DSKP Bahasa Melayu yang merangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang mesti dipelajari dan dikuasai oleh murid. Kandungan kurikulum Bahasa Melayu digubal bagi melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan boleh berkomunikasi serta dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa bagi menghadapi cabaran abad ke-21. SK dan SP yang digariskan dalam DSKP Bahasa Melayu menekankan keupayaan murid mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta aktiviti pembelajaran bagi membolehkan murid menguasai kemahiran abad ke-21. Pembelajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) ditekankan dalam pedagogi pembelajaran seperti pendekatan inkuiri, penyelesaian berasaskan masalah, pembelajaran kolaboratif dan lain-lain. Komponen sastera atau KOMSAS dalam Bahasa Melayu juga merupakan elemen yang diterapkan dalam DSKP bagi memupuk minat membaca dan melahirkan kenikmatan membaca serta penghayatan terhadap karya sastera dalam kalangan murid.

Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) menitikberatkan pengajaran bahasa Cina, bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikannya, yang mana selaras dengan Penyata Kurikulum Bersama dalam Kertas Cadangan Sekolah Persendirian Cina, bahasa Malaysia berperanan sebagai bahasa perpaduan dan komunikasi dalam masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia. Oleh yang demikian, bahasa Malaysia di Sekolah Persendirian Cina bertujuan untuk meningkatkan semangat perpaduan yang berasaskan sikap saling menghormati, sabar dan bertoleransi dengan memberi tumpuan ke atas penguasaan bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar bagi membolehkan mereka menggunakan bahasa Malaysia secara berkesan dalam kehidupan seharian, melanjutkan pelajaran dan mengaplikasikannya dalam bidang pekerjaan. Selain itu, penguasaan bahasa Malaysia juga dilihat bagi memupuk persefahaman dan interaksi tentang bahasa, budaya, sejarah dan agama berbilang kaum di Malaysia. Kurikulum bahasa Malaysia Sekolah Menengah Persendirian Cina bermatlamat untuk melengkapkan pelajar dengan kebolehan penguasaan bahasa Malaysia secara bersepadu

berdasarkan kemahiran berbahasa, pengetahuan bahasa, teknik pembelajaran, bidang interpersonal dan bidang intrapersonal. Kelima-lima komponen asas pembentukan kebolehan penguasaan bahasa Malaysia ini menjadi teras kepada pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Buku teks bahasa Melayu Tingkatan 4 merupakan terjemahan hasrat DSKP Tingkatan 4, KSSM yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Kemahiran membaca, kemahiran menulis, seni bahasa dan tatabahasa yang tersenarai dalam DSKP disusun mengikut kesesuaian tahap berdasarkan susunan tema.

Buku teks bahasa Malaysia peringkat Menengah Tinggi ditulis mengikut Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia tahun 2002, semakan isi kandungan pelajaran tahun 2011. Selain itu, buku teks ini juga merupakan kesinambungan pembelajaran bagi buku teks bahasa Malaysia peringkat Junior Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia. Buku teks ini terbahagi kepada tiga jilid iaitu satu jilid bagi setiap satu sesi persekolahan selama tiga tahun.

Setelah mendalami mengenai DSKP KSSM Bahasa Melayu dan bahasa Malaysia Sekolah Menengah Persendirian Cina ini, satu analisis kandungan mengenai kedua-dua buku teks ini akan dikaji yang mana kajian tertumpu kepada buku teks DSKP KSSM bahasa Melayu Tingkatan 4 dan buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia. Menurut Abdul Razaq et al (2016), buku teks merupakan rujukan utama murid dalam mengikuti pembelajaran di sekolah serta memainkan peranan penting membantu guru menerapkan nilai patriotisme dalam kalangan murid. Kajian ini akan menganalisis penampilan kandungan kedua-dua buku teks, soalan dan aktiviti, format persembahan, tahap penguasaan, sastera dan penggunaan kata bahasa Melayu dan bahasa Malaysia. Perbandingan kedua-dua buku teks ini juga akan diperhalusi dengan lebih mendalam berdasarkan objektif, penampilan, strategi pengajaran serta kelebihan dan kelemahannya.

## 2.0 Permasalahan Kajian

Bahasa Melayu sudah banyak mengambil alih peranan yang dahulunya dipegang oleh bahasa Inggeris sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar. Antaranya termasuklah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Oleh yang demikian, para pelajar harus membiasakan diri dengan menggunakan bahasa Melayu yang betul bukan sahaja di sekolah, malah dalam kehidupan seharian mereka. Dengan cara ini, ia dapat menanam semangat cinta akan bahasa Melayu. Walaupun begitu, permasalahan kajian salah satunya dilihat berdasarkan kontroversi dasar pendidikan di Malaysia yang melibatkan isu bahasa pengantar yang timbul sejak sekian lama dan boleh dirujuk kembali dalam Laporan Barnes (1951) yang dilaksanakan semasa Tanah Melayu berada di bawah pentadbiran British. Laporan ini mengemukakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di peringkat sekolah rendah dan menengah serta menghalang kemasukan sekolah

Cina dan Tamil ke dalam sistem sekolah kebangsaan demi memelihara perpaduan sosial. Allan Collins (2011) menyatakan tindakan ini seolah-olah menggambarkan masyarakat Cina harus melepaskan jati diri budayanya sebagai bayaran untuk memperoleh kewarganegaraan Malaysia.

Selain itu, kajian ini juga melihat kepada permasalahan mengenai kedudukan Sekolah Menengah Persendirian Cina yang dibincangkan oleh Chin Tek Yoong & Nur Atiqah Tang Abdullah (2023). Sebagaimana yang diketahui umum, SMPC terpisah daripada sistem pendidikan kebangsaan dan sering menjadi isu membabitkan Dong Zong yang mencadangkan kerajaan supaya mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia atau dikenali juga sebagai Unified Examination Certificate (UEC). Kajian tersebut menyatakan bahawa Dong Zong menyeru kerajaan supaya melayan pendidikan bahasa ibunda Cina dengan adil dan saksama, manakala kerajaan menyakini bahawa pemerkasaan sistem persekolahan aliran kebangsaan sebagai alat bagi menyemai perpaduan untuk mencapai hasrat membina negara bangsa perlu mengutamakan kepentingan nasional secara menyeluruh. Oleh sebab kajian tersebut menyatakan pendirian Dong Zong yang berbeza dengan aspirasi kerajaan Malaysia, pengkaji ingin menganalisis buku teks DSKP KSSM dan buku teks SMPC melalui buku teks bahasa Melayu Tingkatan 4 dan buku teks bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu SMPC bagi melihat sistem pendidikan yang diterapkan dalam kedua-dua buku teks tersebut.

Seterusnya, permasalahan kajian ini juga meliputi kemahiran bahasa Melayu pelajar Sekolah Menengah Persendirian Cina. Kajian Ugartini Magesvaran, Zamri Mahamod, Irma Mahad dan Intan Nur Syuhada (2021) dijalankan untuk mengkaji tahap kemahiran bahasa Melayu dan menganalisis kesalahan bahasa dalam penulisan karangan bahasa Melayu dalm kalangan pelajar sekolah menengah persendirian Cina di mana pelajar melakukan kesalahan dari segi penggunaan ayat yang gramatis, ejaan dan tanda baca. Didapati bahawa kesalahan bahasa sering berlaku dalam pertuturan dan akhirnya terbawa-bawa dalam penulisan pelajar bahasa kedua. Kajian tersebut menunjukkan bahawa kesalahan aspek struktur ayat merupakan kekerapan yang paling tinggi dilakukan oleh pelajar SMPC dan antara faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar ini melakukan kesalahan bahasa ialah penguasaan kosa kata yang lemah, tidak memahami bahasa Melayu dan tidak berminat untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan bagi melihat perbezaan penampilan kandungan, strategi pengajaran, serta kelebihan dan kelemahan kedua-dua buku teks DSKP dan SMPC.

## 3.0 Objektif Kajian

Melalui kajian ini, penyelidik menggariskan dua objektif, iaitu:

1. Menganalisis penampilan kandungan, soalan dan aktiviti, format persembahan buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu SMPC;

2. Menganalisis perbandingan buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 SMK dan Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu SMPC dari segi objektif, dan strategi pengajaran.

## 4.0 Batasan Kajian

Batasan kajian merupakan had atau sempadan yang menyebabkan sesuatu perkara atau aspek yang tidak dikaji oleh pengkaji. Setiap kajian mempunyai kelemahan dan kelompongan yang diklasifikasikan sebagai batasan kajian. Bagi kajian ini, pengkaji dapat melihat beberapa aspek yang mengehadkan kajian ini. Antara batasan kajian yang utama adalah dari segi bahan yang digunakan. Pengkaji hanya menggunakan buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu. Kedua-dua buku teks ini digunakan di sekolah menengah di bawah sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah menengah persendirian atau swasta cina di Malaysia. Oleh itu, pengkaji tidak mengkaji buku teks Bahasa Melayu tingkatan satu, dua, tiga dan lima serta buku teks Bahasa Malaysia menengah rendah satu, dua, tiga, menengah tinggi dua dan tiga.

Batasan lain pula ialah dari segi konteks kajian. Pengkaji hanya memfokuskan keseluruhan bahan secara umum dan tidak tertumpu kepada penelitian terhadap aspek fonologi, tatabahasa secara terperinci mahupun bahasa. Secara dasarnya, pengkaji mengkaji keseluruhan kedua-dua buku teks dan tidak berfokus kepada satu aspek sahaja.

Batasan yang terakhir pula ialah dari segi kaedah kajian. Pengkaji hanya menggunakan pendekatan kaedah kualitatif deskriptif di mana pengkaji menggunakan bahan kepustakaan iaitu buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia. Penelitian terhadap aspek yang dikaji akan dihuraikan dalam bentuk deskriptif termasuklah dalam bentuk jadual atau rajah. Meskipun terdapat beberapa bahagian di dalam kajian ini yang menggunakan perbandingan dari segi numerikal atau nombor, tetapi kajian dalam aspek nombor adalah sangat terhad atau minimum berbanding dapatan dalam bentuk deskriptif. Oleh itu, pengkaji tidak menggunakan kaedah lain seperti soal selidik, temu bual atau kajian lapangan yang lain.

## 5.0 Kaedah Kajian

Kaedah kajian boleh difahami sebagai sebuah pendekatan bersifat saintifik yang diaplikasikan oleh pengkaji dalam merungkai soalan serta mencari penyelesaian yang hendak dikaji. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan kaedah kepustakaan. Kaedah kepustakaan merupakan antara cabang kaedah kajian di bawah pengumpulan data ini. Kaedah kepustakaan adalah kaedah utama dan sangat penting dalam proses memberikan gambaran yang jelas berkaitan definisi, konsep, kaedah, pengolahan atau penganalisisan data

yang bersesuaian dengan reka bentuk kajian. Melalui kaedah kepustakaan, pengkaji mampu mengumpul bahan serta maklumat yang boleh mendukung tajuk yang dipilih.

Terdapat dua jenis sumber kajian, iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer kajian ini terdiri daripada dua buah buku teks, iaitu buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu (SMPC). Kaedah semakan dokumen digunakan untuk mengkaji dua buah buku teks tersebut. Kaedah ini memudahkan pengkaji dalam mencari, mengumpul maklumat yang penting mengikut objektif kajian. Proses pengumpulan maklumat yang lengkap akan disusun dan dianalisis bagi memberikan gambaran yang jelas tentang kajian tersebut.

Selain itu, sumber sekunder yang digunakan termasuklah bahan bertulis seperti (buku panduan guru, dokumen kerajaan) dan sumber internet yang memudahkan pengkaji mencari sebanyak mungkin bahan kajian. Sebagai contoh pengkaji menggunakan rujukan artikel daripada Google Scholar bagi mengakses liputan berita, laporan kajian dan artikel yang berkaitan. Penggunaan internet dalam mencari maklumat dapat membantu pengkaji memperoleh maklumat sebanyak mungkin. Seterusnya, maklumat yang diperolehi tersebut akan dianalisis bagi dijadikan bukti dalam menyokong dapatan pengkaji.

## 6.0 Sorotan Kajian

Nurul Hasna Hasan, Ahmad Arifin Sapar dan Saedah Siraj (2020) menjalankan sebuah kajian yang bertajuk ‘Analisis Kandungan terhadap Penampilan Kandungan, Soalan dan Aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahap Dua: Data Anekdot’. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif yang bertujuan untuk mengkaji buku teks Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Bahasa Melayu tahap dua. Pengkaji menerapkan teknik penganalisisan data anekdot sebagai salah satu cara dalam mengumpulkan maklumat serta menganalisis data. Fokus kajian adalah isi kandungan buku teks, arahan serta kandungan aktiviti berserta soalan yang terdapat. Hasil kajian mendapati kandungan yang diterapkan di dalam buku teks KSSR Bahasa Melayu tahap dua ini adalah menarik dari segi paparan visual serta kesinambungan antara topik dan subtopik yang baik. Namun begitu, terdapat beberapa aktiviti serta latihan yang dipaparkan di dalam buku teks ini mempunyai kelemahan dari segi arahan soalan yang bersifat umum dan tidak jelas, berulang serta tidak menjurus ke arah pemikiran kritis, penyelesaian masalah serta analogi.

Joseph P. Vitta (2023) daripada Universiti Kyushu, Jepun dalam kajiannya yang bertajuk ‘The Function and Features of ELT Textbooks and Textbook Analysis: A Concise Review’ telah menggariskan beberapa dapatan di dalam kajiannya berkaitan English Language Teaching (ELT). Kajian ini merupakan analisis tentang buku pengajaran Bahasa Inggeris yang digunakan secara meluas di serata dunia seperti di Hong Kong, Taiwan serta serantau Asia. Pengkaji mendapati bahawa penggunaan buku teks ELT adalah sangat meluas serta dijadikan

bahan rujukan utama di negara-negara tersebut. Buku teks ELT merupakan teks utama yang digunakan bagi pembelajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di negara-negara yang tidak menuturkan Bahasa Inggeris. Pengkaji juga menggariskan fungsi buku teks ELT, antaranya adalah untuk menyokong kefasihan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar serta dapat melengkapkan pengalaman pembelajaran murid sebagai fungsi kedua buku teks ini. Pengkaji juga melihat ciri yang dipamerkan di dalam buku teks ELT ini terutamanya dari segi tahap bahasa yang digunakan contohnya pengukuran tahap kesukaran linguistik yang digunakan.

Azhar Md Sabil, Shamsuddin Othman, Abu Bakar Razali dan Rosmaria Omar (2022) pula membincangkan penggunaan buku teks Bahasa Melayu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dalam kalangan guru Bahasa Melayu menengah rendah. Objektif kajian ini bagi mengenal pasti nilai kebolehpercayaan bagi instrumen kesesuaian kandungan penggunaan buku teks Bahasa Melayu bantuan kerajaan dalam kalangan guru di peringkat sekolah menengah rendah dengan menggunakan dua kaedah iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Pada fasa satu kajian ini, ia melibatkan kutipan data secara kualitatif melalui kaedah temu bual yang melibatkan enam orang peserta kajian bagi menyertai satu sesi perbincangan kumpulan, iaitu seorang panel jawatankuasa peningkatan mutu buku teks, dua orang penulis dan tiga orang guru bahasa Melayu Tingkatan 1,2, dan 3 daripada Zon Tengah (Wilayah Persekutuan, Selangor dan Perak). Kajian ini juga telah membuat edaran soal selidik kepada 190 orang guru daripada 400 orang populasi guru di dua kategori sekolah, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Zon Tengah. Seterusnya, triangulasi dan pengenalpastian kebolehpercayaan dapatan data dilakukan dengan menggunakan perisian SPSS dan Nvivo 8. Hasil dapatan kajian mendapati beberapa item yang perlu ditambah baik bagi menghasilkan instrumen yang dapat mengukur secara keseluruhan konstruk yang diuji. Hasil kajian rintis ini telah membawa kesepakatan ahli penyelidik untuk melakukan penambahbaikan sewajarnya dan instrumen yang digunakan boleh dipercayai bagi membuat kajian sebenar.

Dalam kajian Marmi Mariana Zakaria dan Dahlia Janan (2022) yang bertajuk "Penggunaan Buku Teks dan Penerimaan Ilustrasi dalam Kalangan Guru dan Murid: Pendekatan Kualitatif dan Kuantitatif", didapati buku teks menjadi rujukan utama dalam menterjemahkan sukatan pelajaran khususnya proses pembelajaran dalam bilik darjah. Kefungsian ini menjadikan buku teks sebagai panduan utama dan memainkan peranan penting dalam proses penyampaian ilmu oleh guru-guru seantero dunia. Oleh yang demikian, kajian berkaitan buku teks amat perlu dilakukan secara berkala. Hal ini kerana, dunia pendidikan semasa sentiasa berkembang seiring peredaran zaman yang memperlihatkan pelbagai perubahan yang berlaku dalam tempoh tahun-tahun tertentu.

Di samping berfungsi sebagai medium penterjemah sukatan pembelajaran, aspek yang harus dititikberatkan ialah corak persembahan penyampaian isi kandungan. Rentetan daripada perkembangan teknologi dan dunia grafik, penggunaan illustrasi dilihat memainkan peranan penting yang menyokong kesinambungan penyusunan bahan kandungan di dalam buku teks. Variasi grafik yang menarik dapat memberi rangsangan kepada proses penelaahan isi kandungan buku teks agar ia tidak membosankan. Ilustrasi yang menarik dan

bersifat terkini dapat membantu dalam memberi rangsangan terhadap proses PdP itu sendiri. Kkajian ini juga menunjukkan bahawa, purata pengguna buku teks lebih cenderung melihat visual yang ada di dalam buku teks sebelum memulakan bacaan. Kandungan ilustrasi yang ditonjolkan mampu memberi gambaran yang menyumbang kepada sebahagian pemahaman murid terhadap isi kandungan pelajaran tersebut. Di samping itu, ia memberi galakan kepada murid untuk memberi tumpuan terhadap pembelajaran yang membolehkan mereka mengingati visual yang terpapar di dalam buku teks.

Tidak hanya bergantung kepada illustrasi semata-mata, elemen ini haruslah seiring dengan penyampaian bahan bacaan di dalam buku teks itu sendiri. Sementara itu, nilai grafik yang dibawa ke dalam buku teks diharapkan mampu mewujudkan gambaran yang menyokong topik-topik perbincangan di dalam buku teks. Gabungan bahan penulisan kandungan dengan diiringi ilustrasi yang menarik serta jelas matlamat penyampaiannya diyakini mampu menjadikan buku teks sebagai suatu bahan rujukan yang mapan dalam menjalankan proses PdP. Ilustrasi yang menarik tidak hanya tentang kepelbagaian warna, malahan melibatkan susun atur lakaran grafik itu sendiri. Sebagai contoh, kreativiti dalam lakaran peta minda, kepelbagaian gambar yang mampu merangsang minda untuk berfikir akan sesuatu topik perbincangan. Namun begitu, kandungan bahan di dalam buku teks juga wajar mendapat sokongan bahan lain bagi memperkukuh penyampaian ilmu dalam proses PdP. Guru dan murid seharusnya memanfaatkan sebaiknya isi kandungan buku teks dan mencari bahan rangsangan lain agar proses PdP menjadi lebih menarik dan memberangsangkan. Kandungan buku teks haruslah bersifat relevan, terkini dan bertepatan dengan sukatan pelajaran agar penyampaiannya mencapai hasrat yang diinginkan dan corak pendidikan negara dapat berkembang seiring di persada antarabangsa (Marmi Mariana Zakaria & Dahlia Janan, 2022).

Mohd Mahzan Awang et all, (2015) di dalam kajian mereka yang bertajuk “Mesej Perpaduan Dalam Buku Teks Bahasa Malaysia Tingkatan 4 Dan 5: Analisis Terhadap Peribahasa Melayu” membincangkan bahawa penggunaan buku teks pada sesi pembelajaran memainkan peranan penting terhadap usaha memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar. Namun begitu, berdasarkan kajian Abdul Razaq et al. (2013) yang memfokus kepada guru mata pelajaran Sejarah, hasil mereka mendapati bahawa penguasaan kemahiran oleh responden masih di tahap sederhana.

Sementara itu, kajian lain yang mengkhusus kepada subjek Bahasa Melayu menunjukkan bahawa penggunaan buku teks bagi subjek ini memfokus kepada topik-topik tertentu, iaitu bahagian bahasa dan istilah. Perkara ini menunjukkan bahawa buku teks berfungsi sebagai sumber rujukan utama dalam menyampaikan ilmu dan mempersembahkan sukatan pelajaran. Oleh yang demikian, kajian yang dilakukan oleh Mohd Mahzan Awang et al. (2015) terhadap mesej perpaduan dalam buku teks Bahasa Melayu adalah merujuk kepada isi kandungan buku teks itu sendiri.

Subjek Bahasa Melayu merupakan subjek teras yang perlu dikuasai oleh setiap pelajar. Sehubungan dengan itu, pengolahan isi kandungan buku teks bukan sahaja tertumpu kepada sukatan pelajaran bahasa,

bahkan ia perlu disesuaikan dengan topik-topik yang membantu pelajar untuk mendalami mesej-mesej yang terkandung di dalamnya. Tema pembelajaran berkaitan perpaduan yang dibawa di dalam buku teks dilihat mampu menyumbang ke arah penyatuan semua kaum di negara ini. Penguatkuasaan syarat wajib lulus bagi subjek ini dalam Sijil Pelajaran Malaysia mampu menjadikan murid bukan Melayu turut sama fasih dan menguasai Bahasa Melayu secara lebih mendalam (Mohd Mahzan Awang et al. 2015).

## 7.0 Analisis Kajian

Analisis kajian ini terbahagi dua bahagian iaitu bahagian pertama membincangkan mengenai analisis penampilan kandungan, soalan dan aktiviti, format persembahan, tahap penguasaan, sastera serta penggunaan kata Bahasa Melayu dan Bahasa Malaysia, manakala bahagian kedua pula membincangkan mengenai perbandingan buku teks DSKP dan SMPC dari segi objektif, penampilan, strategi pengajaran serta kelebihan dan kelemahan.

## 7.1 Analisis penampilan kandungan, soalan dan aktiviti, format persembahan, tahap penguasaan, dan komponen sastera

### 7.1.1 Penampilan Kandungan

Kandungan Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dianalisis menggunakan pendekatan tematik. Pendekatan tematik merupakan satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang diajarkan melalui tema yang dipilih mengikut kesesuaian masa, tempat dan minat bagi menggerakkan sesuatu proses PdP. Tema yang dipilih dalam buku teks ini menjadi wahana dan medium kepada pemerolehan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diterjemahkan dalam pengajaran bahasa melalui kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis. Selain itu, perancangan dan penentuan tema pengajaran meliputi pelbagai bidang ilmu seperti ilmu teknologi maklumat dan komunikasi, isu kemasyarakatan dan perpaduan, kelestarian alam dan sebagainya. Antara tema yang terkandung dalam buku teks bahasa Melayu Tingkatan 4 adalah seperti berikut:

Tema 1: Merealisasikan Impian
Tema 2: Insan Terdidik, Negara Sejahtera
Tema 3: Memetik Bintang
Tema 4: Menjulang Harapan di Bumi Bertuah
Tema 5: Memacu Produktiviti
Tema 6: Dunia Pelancongan
Tema 7: Demi Kedamaian
Tema 8: Dalam Lipatan Kenangan

Tema 9: Sayangi Malaysiaku

Tema 10: Bahasa Bugar, Sastera Kekar

Tema 11: Ekonomi Dinamik, Negara Berwibawa

Tema 12: Asli dan Kontemporari

Tema 13: Segalanya Bermula di Sini

Tema 14: Sihat dan Bersih Pilihanku

Tema 15: Angin Perubahan Membadai

Tema 16: Dipimpin untuk Memimpin

Buku Teks bahasa Melayu Tingkatan 4 juga menyediakan jawapan kepada soalan-soalan yang terkandung dalam buku teks tersebut. Jawapan tersebut boleh didapati pada halaman 233 hingga 244 sebagaimana Rajah 1 di bawah:

***Rajah 1: Jawapan/Lampiran Pilihan Kepada Soalan***



# Jawapan/Lampiran Pilihan

| TEMA 1: MEREALISASIKAN IMPIAN | | |
|---|---|---|
| Halaman 4 – 5 (Soalan 2) | | |
| Kata Tunggal | | Kata Majmuk |
| guru-guru | kencang | guru penolong kanan |
| rakan-rakan | bagi | guru kanan mata pelajaran |
| dengan | oksigen | guru cemerlang |
| yang | ke | badan air |
| akan | seluruh | taman tema air |
| pada | tubuh | luncur jet |
| aktiviti | proses | luncur air |
| suatu | ini | luncur angin |
| saya | dalam | selam skuba |
| percaya | badan | olahraga |
| juga | hal | jangka hayat |
| gemar | sahaja | nilai murni |
| dan | kekal | tanggungjawab |
| di | sihat | akhir kata |
| seperti | berat | terima kasih |
| jeram | ideal | |
| bukan | suka | |
| namun | pula | |
| udara | oleh | |
| segar | mereka | |
| bersnorkel | lebih | |
| yakin | panjang | |
| pernah | atlet | |
| boleh | lain | |
| dengan | diri | |
| jari | sudah | |
| kita | pasti | |
| stamina | sikap | |
| fizikal | erat | |
| mental | lagi | |
| khusus | masa | |
| tentang | hidup | |
| sukan | ada | |
| ambil | banyak | |
| deras | agar | |
| mampu | demi | |
| adrenalina | sekian | |
| jantung | | |

233
KPM

Buku teks bahasa Melayu Tingkatan 4 juga melampirkan glosari pada halaman 245. Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu, glosari merupakan senarai istilah berserta takrifnya yang disusun menurut abjad khusus bagi sesuatu bidang pengetahuan. Senarai glosari adalah seperti Rajah 2 berikut.

***Rajah 2: Glosari dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4***



# Glosari

*adrenalina* hormon yang dirembeskan oleh bahagian medula kelenjar adrenal, terhasil daripada rangsangan sistem saraf yang dipengaruhi oleh keadaan cemas atau takut
*agi idup agi ngelaban* selagi nyawa di badan, pasti akan melawan
*antropologi* pengajian saintifik tentang asal usul manusia (perkembangan fizikal dan budayanya, ciri-ciri rasnya dan adat resam, serta kepercayaannya), kaji manusia
*arus karau* arus karnu, aliran air yang mengalir semula ke laut selepas setiap pukulan ombak ke pantai
*automasi* sistem pelaksanaan tugas serta alat automatik yang pada keseluruhannya membolehkan pelbagai aspek dan proses kerja dilakukan dengan sedikit sahaja atau sama sekali tidak memerlukan tenaga manusia

*badan air* mana-mana alur, tasik, kolam, tanah perairan, perairan pantai, dan badan air lain, sama ada semula jadi atau buatan
*batu jatuh glasier* batuan asing asalan glasier yang dijatuhkan daripada bongkah ais yang mencair ke dalam batu sedimen
*biodiversiti* kepelbagaian jenis tumbuhan dan haiwan yang terdapat pada suatu ekosistem

*degradasi* proses yang melibatkan perendahan permukaan bumi yang lazimnya dilakukan oleh agen seperti atmosfera dan glasier
*diatonik* berkenaan penggunaan not yang bertepatan dengan tangga nada sahaja
*diorama* model tiga dimensi yang menggambarkan pemandangan di hadapan latar belakang dua dimensi berbentuk lengkung, untuk membantu pengajaran dengan lebih jelas

*farmaseutikal* bidang yang berkaitan dengan ubat-ubatan atau farmasi
*filharmonik* berkaitan dengan persembahan, penghayatan dan sebagainya; orkestra, muzik dan sebagainya

*gastronomi* kajian, seni atau amalan memilih, menyediakan atau memakan makanan yang baik
*gawal* keliru, salah, silap
*genre* kategori atau jenis karya sastera atau seni yang dicirikan dengan sesuatu gaya, bentuk, atau kandungan tertentu

*hari langsung* hari majlis perkahwinan dilangsungkan
*hibrid* anak haiwan atau tumbuh-tumbuhan yang dihasilkan daripada percantuman dua jenis yang berlainan jenis, kacukan

*iglu* rumah orang Eskimo yang berbentuk seperti kubah
*imunisasi* perihal atau perbuatan mendapatkan atau memberikan perlindungan daripada penyakit tertentu menerusi suntikan
*itinerari* program sesuatu perjalanan atau lawatan (termasuk tempat-tempat yang dikunjungi)

*jongor* muncung yang panjang (pada kumbang, ikan, dan sebagainya)

245
KPM

Seterusnya, buku teks bahasa Melayu Tingkatan 4 juga mengandungi senarai rujukan, indeks dan skrip pendengaran untuk digunakan dalam kemahiran mendengar. Skrip pendengaran yang terkandung dalam buku teks seperti Rajah 3 berikut.

*Rajah 3: Skrip pendengaran dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4*



# Skrip Pendengaran

**TEMA 1**
**1.1.2 Mendengar dan Bertutur**
**Jom Belajar Berenang – muka surat 8**

| | |
|---|---|
| Cikgu Zana: | Murid-murid, bersama-sama kita hari ini ialah Profesor Madya Dr. Tengku Fadilah Tengku Kamalden, Ketua Jabatan Pengajian Sukan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang. Dr. Tengku akan mengajar kita tentang Panduan Asas Berenang. Apa khabar Dr. Tengku? |
| Dr. Tengku: | Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah, saya sihat. |
| Cikgu Zana: | Baiklah, soalan yang pertama. Berenang itu apa sebenarnya? |
| Dr. Tengku: | Berenang ialah pergerakan kita di dalam air dari poin A ke poin B. Kita boleh menggunakan apa-apa gaya pun untuk bergerak, termasuk terapung di belakang badan sambil menguiskan tangan. Itu juga dikira sebagai berenang. |
| Cikgu Zana: | Oh, begitu! Jadi, apakah perkara penting yang perlu kami ketahui untuk belajar berenang? |
| Dr. Tengku: | Baiklah, sebenarnya, sebelum belajar berenang, kita perlu ambil perhatian tentang aspek keselamatan di air, contohnya, papan tanda yang ada, keadaan cuaca, keadaan arus yang deras, dan warna air, sekiranya keruh. Oleh itu, apabila tiba di badan air, jangan terus terjun. Lakukanlah pemerhatian terlebih dahulu dan jangan berenang bersendirian. |
| | Kedua, kita perlu belajar tentang cara-cara untuk masuk ke dalam air, terutamanya apabila kita tidak pasti tentang kedalaman air. |
| | Ketiga, kita perlu belajar bernafas dengan betul di dalam air. Kaedah bernafas di dalam air berbeza dengan kaedah bernafas di darat. Caranya, semasa di permukaan air, tarik nafas dalam-dalam melalui mulut, kemudian tahan. Semasa di dalam air, lepaskan nafas yang ada di rongga dada melalui hidung atau mulut, sedikit demi sedikit. Jangan tarik nafas melalui hidung seperti di darat. |
| | Keempat, amat penting juga untuk kita tahu tentang tatacara berjalan di dalam air. Semasa di dalam air, kita perlu berjalan menyenget seperti ketam untuk mengurangkan rintangan. Kelima, kita perlu belajar cara mengapungkan diri di dalam air. Mengapungkan diri juga ada beberapa cara. Pelajarilah satu atau dua cara kerana setiap cara itu ada kebaikannya yang tersendiri. |
| Cikgu Zana: | Baiklah, terima kasih, Dr. Tengku kerana sudi memberikan penerangan tentang panduan belajar berenang. |
| Dr. Tengku: | Sama-sama. Mari, murid-murid, kita belajar berenang. |

251
KPM

Buku teks bahasa Melayu Tingkatan 4 juga mengandungi bahagian bacaan luas, pemulihan, pengayaan dan penilaian. Bagi bahagian penilaian, kelima-lima penilaian mencakupi kesemua konstruk dan kemahiran yang penting serta ditampilkan dalam pelbagai stimulus dan bentuk penyoalan yang mendedahkan murid kepada kepelbagaian item termasuk item Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Bahagian-bahagian tersebut adalah seperti Rajah 4 berikut.

*Rajah 4: Bahagian Bacaan Luas, Pemulihan, Pengayaan dan Penilaian*



Dengan adanya bahagian-bahagian tambahan yang menarik dan berinformatif, buku teks ini menjadikan aktiviti belajar bahasa menjadi lebih luwes, lebih aktif, menyeronokkan serta mencabar kreativiti dan kemahiran berfikir. Buku teks ini juga membantu murid agar lebih yakin berbahasa serta berupaya berkomunikasi memenuhi tuntutan diri dan negara.

Penulisan kandungan Buku Teks Menengah Tinggi Satu Sekolah Menengah Persendirian Cina pula adalah berdasarkan unit-unit tertentu yang terdiri daripada sepuluh unit dan dilengkapi juga dengan bahan-bahan pengajaran lain yang telah dirakamkan di dalam cakera padat bagi memudahkan para guru mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang aktif dan berkesan. Unit-unit pengajaran bagi buku teks Menengah Tinggi Satu SMPC adalah seperti berikut:

Unit 1: Teknologi Moden dalam Bidang Pengangkutan
Unit 2: Komunikasi Alaf Baru
Unit 3: Institusi Kekeluargaan
Unit 4: Sukan Lasak
Unit 5: Industri Desa di Malaysia
Unit 6: Dewan Bahasa dan Pustaka
Unit 7: Kemasukan Warga Asing di Malaysia
Unit 8: Perlembagaan Malaysia
Unit 9: Mengenang Budi
Unit 10: Pelancongan Tempatan

Kandungan dalam buku teks ini dirancang bagi melahirkan pelajar yang mempunyai asas kemahiran berbahasa. Oleh itu, kemahiran mendengar, kemahiran membaca, kemahiran bertutur dan kemahiran menulis diberikan penekanan dalam setiap unit bagi membolehkan pelajar mencapai penguasaan yang menyeluruh. Bagi kemahiran menulis, terdapat beberapa jenis karangan yang dimasukkan, antaranya:

a) Karangan jenis perbincangan – perenggan pendahuluan
b) Karangan jenis perbincangan – perenggan penutup
c) Karangan jenis perbincangan
d) Pengenalan Rumusan
e) Rumusan
f) Pengenalan karangan jenis laporan
g) Karangan jenis surat kiriman rasmi
h) Karangan jenis surat kiriman tidak rasmi
i) Karangan jenis cerita

Dari aspek tatabahasa pula, buku teks Menengah Tinggi Satu SMPC juga memasukkan beberapa bidang morfologi di dalam setiap unit, antaranya adalah:

a) Kata nama
b) Pembentukan kata nama
c) Kata kerja
d) Kata kerja pasif
e) Kata kerja tunggal
f) Kata kerja terbitan
g) Pembentukan kata kerja
h) Kata adjektif
i) Kata banyak makna
j) Kata hampir sama makna
k) Imbuhan pinjaman

Bidang sintaksis juga dimasukkan dalam buku teks ini, antaranya:

a) Ayat dasar
b) Pola ayat dasar
c) Ayat tunggal
d) Ayat susunan biasa dan ayat susunan songsang
e) Ayat majmuk
f) Jenis-jenis ayat aktif
g) Ayat pasif
h) Jenis-jenis ayat
i) Ayat perintah
j) Analisis ayat – kata nama
k) Frasa kerja tanpa objek
l) Analisis ayat – kata ganda
m) Analisis ayat – frasa adjektif

Selain Buku teks, SMPC juga menyediakan Buku Panduan Guru dan buku kerja Bahasa Malaysia. Rujukan jawapan bagi latihan dalam buku teks tertera pada Buku Panduan Guru.

## 7.1.2 Soalan dan Aktiviti

Sesebuah buku teks yang lengkap perlulah menyertakan aktiviti, soalan atau latihan yang bertujuan untuk menguji tahap pemahaman murid. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Nurul Hasna Hasan, Ahmad Arifin Sapar dan Saedah Siraj (2020), buku teks yang bermutu bukan sahaja dapat menentukan perkembangan ilmu pengetahuan tetapi juga mampu membina sahsiah serta perkembangan rohani murid. Hal ini juga selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan tentang peranan institusi pendidikan dalam melahirkan individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Skim Buku Teks yang mula dilancarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 1975 merupakan alat utama yang digunakan oleh pendidik khususnya guru dalam melaksanakan kaedah pengajaran. Pengkaji membahagikan dapatan soalan dan aktiviti ini kepada tiga bahagian, iaitu aktiviti, soalan dan latihan. Bagi buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4, sebanyak 12 tema telah diketengahkan dan di dalamnya disertakan aktiviti dan soalan manakala bagi buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu SMPC pula merangkumi 10 unit berserta aktiviti, soalan dan latihan.

Bagi analisis soalan, aktiviti dan latihan yang terdapat di dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu SMPC, pengkaji merujuk pada tahap pemikiran yang dikemukakan oleh Bloom melalui 'Taxonomy Bloom' yang menggariskan enam tahap. Rajah 5 Segi tiga Taxonomy Bloom adalah seperti berikut.

***Rajah 5: Segi Tiga Aras Kognitif Taxonomy Bloom***



Enam tahap Taksonomi Bloom terdiri daripada mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Bloom membahagikan enam tahap itu kepada ‘Low Order Thinking Skills’ dan ‘High Order Thinking Skill’ pula. ‘Low Order Thinking Skills’ atau LOTS yang digariskan oleh Bloom merangkumi aspek mengingat, memahami serta mengaplikasikan pengetahuan yang ada, manakala High Order Thinking Skills pula merangkumi aras menganalisis, menilai dan mencipta.

Bagi tahap mengingat, Bloom menetapkan kemampuan individu atau murid dalam mengingat terhadap sesuatu fakta dan konsep asas yang telah dipelajari atau diketahui. Tahap memahami pula merangkumi kebolehan pelajar dalam menghuraikan idea atau konsep berkaitan. Tahap mengaplikasikan pula ialah kemampuan murid menggunakan maklumat yang diperolehi tersebut ke dalam situasi baharu.

Bagi tahap mengingat di dalam LOTS Taxonomy Bloom, terdapat beberapa kata kunci atau bentuk arahan soalan yang boleh dikelaskan di bawah tahap pertama LOTS ini iaitu mengingat. Antara kata kunci tersebut ialah berikan definisi, salin semula atau buat semula, senaraikan, ingat semula, ulang semula dan nyatakan. Bagi tahap kedua di dalam LOTS Taxonomy Bloom pula, kata kunci yang digunakan ialah kelaskan, huraikan, bincangkan, terangkan, kenal pasti, cari, kenali, laporkan, pilih dan terjemahkan. Tahap ketiga di dalam LOTS Taxonomy Bloom pula merupakan tahap mengaplikasi di mana kata kuncinya ialah laksanakan, terapkan, selesaikan, gunakan, lakukan demonstrasi, interpretasikan, operasikan, bina jadual dan lakarkan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengkategorikan tahap mengaplikasi sebagai HOTS seperti yang dinyatakan dalam buku teks Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan.

Oleh itu, adalah penting bagi sesebuah buku teks itu memasukkan kesemua aras yang terdapat di dalam Taxonomy Bloom ini bagi menguji tahap pemikiran, kemampuan berfikir serta aras kognitif pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap pelajar adalah berbeza-beza dari segi kognitif, kemampuan berfikir dan sebagainya.

Makna aktiviti dalam konteks pendidikan melibatkan sebarang bentuk gerak kerja yang dibuat sama ada oleh guru mahupun murid bagi mencapai objektif pelajaran. Secara mudahnya, aktiviti di dalam pendidikan merangkumi sebarang tindakan yang dilakukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini juga dikatakan demikian kerja aktiviti juga merupakan antara salah satu pendekatan penting dalam dunia pendidikan zaman moden. Kenyataan ini juga disokong oleh Dewey (1910) yang menyatakan bahawa pelajaran haruslah berasaskan aktiviti murid.

Di samping itu, pelaksanaan aktiviti ini juga mampu membantu perkembangan aspek JERI murid secara seimbang dan holistik. Tambahan pula, aktiviti di dalam buku teks dilihat sebagai salah satu cara berkesan dalam menarik minat murid dengan cara mempraktikkan sesuatu pembelajaran, dan proses pembelajaran ini membolehkan pelajar untuk mendapat kefahaman yang berkekalan (Abdul Talib, Abdul Ghani & Yusuff,

2019). Justeru pengkaji melihat bahawa kewujudan aktiviti di dalam buku teks mampu membantu guru dan pelajar mempraktikkan serta mempelbagaikan corak pengajaran agar proses PdP bersifat holistik dan menarik.

Jumlah aktiviti yang terdapat di dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 yang dianalisis oleh pengkaji adalah seperti Jadual 1.

*Jadual 1: Bilangan Aktiviti di dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4*

| Tema | Bilangan Aktiviti |
|---|---|
| 1 | 16 |
| 2 | 18 |
| 3 | 14 |
| 4 | 22 |
| 5 | 16 |
| 6 | 15 |
| 7 | 12 |
| 8 | 18 |
| 9 | 19 |
| 10 | 14 |
| 11 | 19 |
| 12 | 14 |
| 13 | 12 |
| 14 | 19 |
| 15 | 17 |
| 16 | 15 |
| **Jumlah** | **260** |

Bilangan aktiviti tertera dengan jelas di awal setiap petikan dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 SMK. Berdasarkan hasil analisis, pengkaji mendapati bahawa daripada 16 tema yang dimasukkan ke dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 tersebut, sebanyak 260 aktiviti yang disertakan. Jumlah yang sangat besar tersebut memperlihatkan penekanan dan pemberatan pihak penulis buku teks dan penggubal kurikulum akan kepentingan aktiviti dalam meningkatkan kemahiran berbahasa para pelajar.

Antara contoh aktiviti tersebut adalah seperti Rajah 6 berikut.

*Rajah 6: Aktiviti yang Diambil daripada Tema 1 buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4*



Aktiviti

1. Baca syarahan dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai serta kepantasan yang wajar.
2. Kenal pasti bentuk kata tunggal dan kata majmuk. Kemudian, gunakannya dengan betulnya mengikut konteks.
3. Terokai maklumat lanjut tentang kepentingan sukan air kepada negara dan persembahkannya dalam bentuk syarahan.



Aktiviti

1. Dengar dan kenal pasti perbezaan sebutan perkataan, rangkai kata, istilah, dan ungkapan dalam bahan dengan jelasnya dan betulnya. Kemudian, persembahkannya mengikut kreativiti anda.
2. Kemukakan pendapat anda tentang pasukan sorak.
3. Cipta sorakan untuk rumah sukan anda dan persembahkannya.

Pengkaji mendapati bahawa setiap tema disertakan subtema, manakala setiap subtema dinyatakan satu aktiviti pada awal subtema. Setiap aktiviti subtema pula merangkumi tiga hingga lima item. Ini bermakna, buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 amat menitikberatkan pengaplikasian aktiviti secara terancang melalui subtema serta tema yang diajarkan kepada murid. Namun begitu, aktiviti subtema buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 ini dilihat menjangkau tahap High Order Thinking Skills (HOTS) di mana item terakhir di dalam setiap aktiviti subtema memerlukan murid untuk mencipta atau menghasilkan sesuatu perkara baharu atau memerlukan murid untuk memberi pendapat serta alasan. Sebagai contoh aktiviti yang memerlukan HOTS murid yang dinyatakan di dalam subtema buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 adalah seperti berikut:-

*‘5. Cipta sorakan untuk rumah sukan anda dan persembahkannya.’*

Halaman 2.

*‘3. Lakonkan aktiviti promosi untuk menggalakkan murid mempelajari bahasa asing dengan menggunakan bahasa yang menarik.’*

Halaman 18.

*‘3. Hasilkan karikatur dan jelaskan keunikannya.’*

Halaman 32.

*'3. Buat pembentangan tentang rozel dalam bentuk multimedia.'*

Halaman 44.

*'3. Pada pendapat anda, adakah arang kayu bakau masih digunakan pada masa akan datang? Berikan alasan.'*

Halaman 60.

Berdasarkan analisis pengkaji, aktiviti yang terdapat di dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 ini wajib memasukkan elemen HOTS ke dalam tiap aktiviti sekurang-kurangnya satu aktiviti.

Bagi buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu SMPC pula, pengkaji telah menganalisis aktiviti dalam 10 unit yang terdapat dalam buku teks ini berserta pemberatan aspek LOTS dan HOTS. Bilangan aktiviti bagi buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu SMPC adalah seperti Jadual 2 berikut.

***Jadual 2: Bilangan Aktiviti Buku Teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu***

| Unit | Bilangan Aktiviti |
|---|---|
| 1 | 2 |
| 2 | 3 |
| 3 | 3 |
| 4 | 3 |
| 5 | 3 |
| 6 | 1 |
| 7 | 2 |
| 8 | 3 |
| 9 | 3 |
| 10 | 3 |
| **Jumlah** | **26** |

Berdasarkan Jadual 2, pengkaji mendapat hanya terdapat 26 aktiviti yang disediakan oleh penulis buku teks tersebut. Pengkaji mendapati bahawa aktiviti yang terdapat dalam setiap unit di dalam buku teks ini hanya terdapat di bahagian kemahiran mendengar dan bertutur. Sebahagian daripada aktiviti yang dinyatakan bertahap Low Order Thinking Skills (LOTS) yang merangkumi aktiviti mengingat dan memahami. Contohnya adalah seperti berikut.

*'Lihat gambar-gambar di bawah, berikan jenis sumber tenaga, kawasan sumber tenaga diperoleh dan kepentingan sumber tenaga tersebut. Kemudian, bentangkan hasil dapatan dalam kumpulan.'*

Halaman 7

*'Kumpulkan beberapa nombor talian bantuan yang berkaitan dengan pembuangan bayi dan penderaan kanak-kanak, kemudian bentangkan di depan kelas.'*

Halaman 60

*'Tonton tayangan filem dokumentari tentang perkembangan industri kraf tangan dengan teliti. Kemudian, nyatakan maklumat yang diperoleh daripada filem berkenaan semula. '*

Halaman 120

Di samping itu, soalan High Order Thinking Skills (HOTS) turut ditemui dalam buku teks dengan adanya pelbagai jenis aktiviti yang mengajak para pelajar berfikir, berbincang, dan membentang secara individu atau kumpulan dalam bentuk sumbang saran, menjana minda, main peranan dan lain-lain. Perhatikan contoh-contoh berikut.

*'Kumpulkan maklumat tentang aktiviti kraf tangan di negara ini. Paparkan semua bahan dalam bentuk galeri mini mengikut kumpulan. Setiap kumpulan dikehendaki memberikan komen terhadap kumpulan lain setelah melawat galeri masing-masing.'*

Halaman 121

*'Berdasarkan gambar yang diberikan, bincangkan masalah-masalah yang timbul akibat kebanjiran warga asing di negara kita, kemudian bentangkannya dalam kumpulan. '*

Halaman 177

*'Nyatakan secara lisan tempat pelancongan tempatan lain yang pernah anda lawati. Kemudian jelaskan tepat pelancongan itu dari aspek:*

1. *Keindahan dan keunikan*
2. *Keistimewaan makanan*
3. *Jaringan sistem pengangkutan dan perhubungan*
4. *Aktiviti kebudayaan'*

Halaman 265

Seterusnya, pengkaji melihat bahawa aktiviti sahaja tidak memadai untuk menjadikan sesebuah buku teks itu sempurna atau lengkap tanpa adanya soalan. Soalan sering digunakan oleh guru untuk mendapatkan

maklumat atau jawapan daripada murid untuk melihat tahap kefahaman murid. Ini bermakna, soalan yang disertakan di dalam buku teks berperanan menguji tahap kefahaman murid tentang sesuatu topik yang diajarkan oleh guru berpandukan buku teks yang digunakan.

Bagi buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4, pengkaji mendapati bahawa daripada keseluruhan 16 tema, hanya 5 tema yang mengandungi latihan. Ini bermakna buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 hanya menekankan aspek aktiviti tanpa menitikberatkan kepentingan mewujudkan soalan latihan terhadap tema dan subtema yang diajarkan kepada murid. Pengkaji mendapati bahawa tema yang mengandungi latihan seperti tema 3, tema 7, tema 10, tema 13 dan tema 16 hanya mengandungi 6 soalan berserta arahan dalam aras yang pelbagai. Soalan pertama hingga soalan 5 cenderung ke arah HOTS yang merangkumi keperluan murid untuk menganalisis, menilai serta mencipta sesuatu yang baharu. Sebagai contoh soalan yang terdapat di dalam tema 3 seperti berikut.

*'Soalan 1: Teliti bahan di bawah dan huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri pekerja cemerlang dengan menggunakan ayat yang gramatis.'*

Halaman 38.

*'Soalan 3: Analisis infografik di bawah dengan telitinya. Kemudian, rumuskan maklumat tersurat dan tersirat tentang kadar kebolehpasaran graduan.'*

Halaman 39.

*'Soalan 5: Bina ayat dengan perkataan di bawah bagi menjelaskan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.'*

Halaman 41.

Dapatan analisis pengkaji turut boleh dibuktikan dengan latihan lain daripada tema yang lain sebagai contoh:-

*'Tema 7. Soalan 3: Analisis jadual di bawah tentang Statistik Kemasukan Pelancong ke Pulau Tioman, Pahang bagi Tahun 2017. Berdasarkan maklumat yang terdapat di dalam jadual, tulis pendapat anda tentang kemasukan pelancong ke Pulau Tioman, Pahang bagi tahun 2017.'*

Halaman 97

*'Tema 10. Soalan 1: Lihat poster di bawah dengan telitinya. Huraikan pendapat anda tentang kebaikan membeli barangan buatan Malaysia.'*

Halaman 140

*‘Tema 13: Soalan 1: Berdasarkan maklumat dalam jadual Harga Purata Item Terpilih di Semenanjung Malaysia, tulis ulasan tentang langkah-langkah yang diambil untuk menjadi pengguna yang bijak.’*

Halaman 184

Soalan 5 yang digubal berupa item HOTS dalam bentuk bina ayat. Contoh latihan dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 adalah seperti berikut:-

‘*Tema 16. Soalan 5 (a): Bina satu ayat bagi setiap perkataan dalam pasangan perkataan di bawah untuk menunjukkan perbezaan maksudnya.’*

Halaman 231.

*‘Tema 10. Soalan 5 (a): Bina ayat dengan perkataan di bawah bagi menjelaskan maksudnya.’*

Halaman 143.

*‘Tema 7. Soalan 5 (a): Bina ayat menggunakan perkataan di bawah bagi menjelaskan maksudnya.’*

Halaman 99.

Berdasarkan dapatan di atas, pengkaji dapat merumuskan bahawa bentuk soalan yang terdapat di dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 didominasi oleh soalan aras tinggi. Sebagai bahan rujukan utama, seharusnya soalan tersebut disusun mengikut aras yang ditetapkan iaitu daripada aras rendah kepada aras tinggi bagi mengukur tahap kefahaman murid.

Selain itu, buku teks Bahasa Melayu juga tidak konsisten dalam menyediakan soalan di dalam buku teks bagi setiap tema. Hal ini dikatakan demikian kerana hanya lima tema sahaja yang mempunyai soalan di akhir tema. Perkara ini sudah pasti menimbulkan persoalan dalam kalangan guru dan pengguna buku teks tersebut, adakah tema yang lain tidak penting untuk diuji tahap pemahaman murid?

Penelitian pengkaji mendapati bahawa hanya buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu SMPC yang menyediakan aspek latihan dengan banyak. Cascio (1989) mendefinisikan latihan sebagai sebuah program rekaan untuk memantapkan prestasi individu, organisasi mahupun kumpulan. Oleh itu, latihan yang disertakan di dalam buku teks adalah bertujuan untuk meningkatkan prestasi murid dalam sesuatu topik yang diajarkan sekaligus memahirkan mereka terhadap ilmu tersebut. Buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu memperlihatkan aspek penekanan terhadap latihan berbanding aktiviti (26) dan soalan kefahaman (20). Hal ini dikatakan demikian kerana, bilangan latihan yang terdapat di dalam buku teks ini ialah sebanyak 49.

*Jadual 3: Bilangan Latihan dan Soalan Kefahaman dalam buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu*

| Unit | Bilangan Aktiviti | Bilangan Soalan Kefahaman |
|---|---|---|
| 1 | 3 | 2 |
| 2 | 5 | 2 |
| 3 | 6 | 2 |
| 4 | 4 | 2 |
| 5 | 5 | 2 |
| 6 | 4 | 2 |
| 7 | 5 | 2 |
| 8 | 5 | 2 |
| 9 | 7 | 2 |
| 10 | 5 | 2 |
| **Jumlah** | **49** | **20** |

Namun begitu, latihan yang dikemukakan di dalam buku teks ini dilihat lebih menjurus ke aras LOTS. Petikan ayat latihan yang terdapat di dalam buku teks ini adalah seperti berikut:-

*'Namakan Pola Ayat Dasar yang terdapat di bawah mengikut pola yang betul.'*

Halaman 28.

*'Isi tempat kosong berikut dengan peribahasa yang telah anda pelajari.'*

Halaman 30.

*'Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan situasi yang diberikan.'*

Halaman 71

Di samping itu,setiap unit mempunyai dua soalan kefahaman di mana bahagian soalan kefahaman pertama ditanya selepas petikan pemahaman, manakala bahagian soalan kefahaman kedua ditanya pada bahagian sastera. Kedua-dua bahagian soalan kefahaman ini mempunyai lima soalan masing-masing di mana empat soalan kefahaman beraras rendah, dan hanya soalan no. 5 beraras tinggi.

### 7.1.3 Format Persembahan

Setiap penerbitan buku pasti memiliki format persembahan yang tersendiri. Ia berperanan untuk memastikan penyampaian isi kandungan buku dicapai sepenuhnya. Fungsinya adalah bagi menjadikan paparan buku teks lebih menarik apabila dirujuk. Selain membantu mengatur struktur pembentangan kandungan, format persembahan memastikan aliran idea yang padat dan tepat, serta menarik perhatian pengguna. Format persembahan yang menarik, jelas dan teratur mampu meningkatkan penglibatan pengguna terhadap bahan bacaan tersebut. Ia membantu menarik perhatian penonton, mengekalkan minat dan memastikan mereka kekal fokus sepanjang penggunaannya. Di samping itu, ia membantu proses penyampaian idea dalam urutan yang logik, memudahkan pengguna memahami dan kekal menerima manfaat maklumat yang disampaikan.

Format yang teratur membolehkan peralihan yang lancar antara topik, mengelakkan sebarang kekeliruan dan memastikan susunan penyampaian maklumat yang sempurna dan mencapai objektif yang dihasratkan. Secara tidak langsung, format persembahan yang mapan mencerminkan profesionalisme dalam sesebuah penerbitan terhadap perincian buku yang dihasilkan. Penyampaian yang dilaksanakan dengan baik menunjukkan bahawa penyampai telah berusaha untuk menghasilkan persembahan yang relevan dan tepat, yang boleh mempengaruhi persepsi dan penerimaan pengguna secara positif.

Kajian ini memfokuskan kepada format persembahan yang melibatkan :

- Bahagian Awalan
- Bahagian Grafik
- Bahagian Tambahan
- Bahagian Penutup

Antara aspek yang akan dikaji dalam format persembahan kedua-dua buku teks ini adalah judul buku, senarai kandungan dan prelim. Bahagian prelim pula meliputi :

- Kulit buku muka hadapan
- Persembahan isi kandungan
- Persembahan kata pengantar
- Prakata
- Penghargaan
- Pendahuluan

Seterusnya, buku teks yang dikaji mempunyai ilustrasi, senarai ilustrasi, dan label ilustrasi, surat kebenaran bagi hal-hal hak cipta, jadual dan senarai jadual (sekiranya ada), unit/ tema, dan bahagian akhir iaitu lampiran, rujukan, indeks dan lain-lain. Paparan grafik pada buku mampu menjadi penyumbang kepada rasa minat pembaca (Marmi Mariana Zakaria, 2022). Namun begitu ia perlu disesuaikan dengan kehendak bahan kandungan dalam menghasilkan ilustrasi dalam buku teks, iaitu ciri-ciri, jenis-jenis dan fungsi-fungsi ilustrasi itu sendiri. Reka bentuk kulit hadapan buku mampu memberi rangsangan kepada pengguna untuk mengamati isi kandungan buku tersebut.

*Jadual 4: Perbandingan Buku Teks Bahasa Melayu SMK dengan Bahasa Malaysia SMPC*

| Perkara / Jenis Buku | SMK | SMPC |
|---|---|---|
| Bahagian Awalan<br>● Kulit Buku | ● Berwarna warni<br>● Imbasan kod QR<br>● Logo KSSM<br>● Logo KPM<br>● Kepelbagaian ilustrasi | ● Bersifat klasik<br>● Warna kuning terang<br>● Tiada sebarang logo |
| ● Penulis buku | ● Zanariah binti Abdol<br>● Amir Hazlin bin Lin<br>● Latifah binti Takep | ● Chong Yok Fong<br>● Tin Lee Hong<br>● Wong Nai Kung<br>● Mohd. Rosli bin Nordin |
| Isi Kandungan<br>● Tema | 16 Tema | 10 Unit |
| Jumlah Muka Surat | 260 | 281 |
| Bahagian Grafik | ● Paparan visual yang berwarna warni<br>● Ilustrasi penuh pada setiap muka surat<br>● Setiap muka surat memiliki latar muka surat yang berwarna warni dan berbeza-beza mengikut tema<br>● Penulisan yang padat dengan info | ● Grafik terhad<br>● Satu gambar untuk setiap satu unit<br>● Penulisan yang panjang<br>● Gambar hanya untuk petikan soalan<br>● Gambar yang banyak pada muka surat unit sahaja |
| Bahagian Tambahan | ● Terdapat sudut informasi tambahan<br>● Info bestari dan Tahukah anda sebagai maklumat tambahan dalam sesuatu topik yang dibincangkan | ● Kosa kata |
| Bahagian Penutup | ● Lampiran jawapan<br>● Glosari<br>● Indeks<br>● Skema Pendengaran | ● Latihan |

# Bahagian Awalan

## Muka Hadapan / Kulit Buku

Bahagian awal buku bermula dengan kulit muka hadapan buku. Kulit buku menjadi perkara utama yang dinilai dan dibelek-belek oleh pengguna . Bahagian ini memainkan peranan penting dalam format persembahan kerana mampu memberi gambaran akan isi kandungan buku dan menjadi suatu tarikan kepada pembaca. Penampilan kulit buku mempunyai rekaan dan motif yang tersendiri. Ia berfungsi untuk memberi informasi awal tentang maklumat yang akan disampaikan di dalam buku tersebut kepada pembaca-pembacanya. Hal ini menjadikan kefungsian buku perlulah semaksima mungkin dan dihiasi dengan reka bentuk yang menarik bagi menari minat penggunanya (Hanafi Mohd Tahir et al. 2018).

Penggunaan dan pemilihan visual yang baik dapat memudahkan pembaca untuk memahami maksud yang hendak disampaikan dengan pantas. Hanafi Mohd Tahir et al. (2018) menyatakan bahawa rekaan grafik terhadap kulit buku mampu memberikan kesan terhadap minat dan memudahkan pengguna untuk membacanya. Bahagian kulit hadapan buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu SMPC tidak banyak perbezaannya. Namun begitu, isi kandungan buku teks masing-masing mempunyai format yang tersendiri. Berikut merupakan paparan muka hadapan buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu SMPC.

*Rajah 7: Halaman Hadapan Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 KPM*



Muka hadapan atau kulit buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dilihat memiliki paparan ilustrasi yang berwarna warni. Lakaran gambar yang terdapat di muka hadapan ini menggambarkan isi kandungan buku teks. Paparan yang menarik di muka hadapan mampu menarik minat pengguna untuk mengeksplorasi isi kandungan buku teks tersebut. Perkara ini disokong oleh Mus Chairil (2000) yang mengatakan bahawa teks yang baik perlulah disokong oleh ilustrasi yang menarik agar memudahkan penyampaian mesej pembelajaran secara lebih jelas.

Selain itu, terdapat juga logo KSSM dan logo KPM di muka hadapan buku ini. Ia jelas menunjukkan bahawa buku ini adalah terbitan KPM yang membawa dasar-dasar penggubalan oleh penerbitnya. Selain itu, terdapat juga paparan kod QR pada hujung kanan di bahagian bawah buku ini. Kod QR ini bertujuan bagi membolehkan pengguna untuk mengakses maklumat tambahan yang berkaitan dengan buku teks. Antaranya ialah biodata penulis dan lampiran jawapan.

***Rajah 8: Biodata Penulis Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4, KPM***




Seterusnya ialah lampiran jawapan yang telah disediakan melalui imbasan kod QR yang telah diletakkan di muka hadapan buku teks ini. Rajah 9 ialah contoh lampiran yang diperolehi daripada kod QR.

### *Rajah 9: Contoh Lampiran Pilihan daripada Kod QR*

## Jawapan/Lampiran Pilihan

| TEMA 1: MEREALISASIKAN IMPIAN | | |
|---|---|---|
| Halaman 4 - 5 (Soalan 2) | | |
| **Kata Tunggal** | | **Kata Majmuk** |
| guru-guru | kencang | guru penolong kanan |
| rakan-rakan | bagi | guru kanan mata pelajaran |
| dengan | oksigen | guru cemerlang |
| yang | ke | badan air |
| akan | seluruh | taman tema air |
| pada | tubuh | luncur jet |
| aktiviti | proses | luncur air |
| suatu | ini | luncur angin |
| saya | dalam | selam skuba |
| percaya | badan | olahraga |
| juga | hal | jangka hayat |
| gemar | sahaja | nilai murni |
| dan | kekal | tanggungjawab |
| di | sihat | akhir kata |
| seperti | berat | terima kasih |
| jeram | ideal | |
| bukan | suka | |
| namun | pula | |
| udara | oleh | |
| segar | mereka | |
| bersnorkel | lebih | |
| yakin | panjang | |
| pernah | atlet | |
| boleh | lain | |
| dengan | diri | |
| jari | sudah | |
| kita | pasti | |
| stamina | sikap | |
| fizikal | erat | |
| mental | lagi | |
| khusus | masa | |
| tentang | hidup | |
| sukan | ada | |
| ambil | banyak | |
| deras | agar | |
| mampu | demi | |
| adrenalina | sekian | |
| jantung | | |

Halaman yang mempunyai kesalahan kata tunggal

233
KPM

## Jawapan/Lampiran Pilihan

| TEMA 1: MEREALISASIKAN IMPIAN | | |
|---|---|---|
| Halaman 4 – 5 (Soalan 2) | | |
| **Kata Tunggal** | | **Kata Majmuk** |
| dengan | oksigen | guru penolong kanan |
| yang | ke | guru kanan mata pelajaran |
| akan | seluruh | guru cemerlang |
| pada | tubuh | badan air |
| aktiviti | proses | taman tema air |
| suatu | ini | luncur jet |
| saya | dalam | luncur air |
| percaya | badan | luncur angin |
| juga | hal | selam skuba |
| gemar | sahaja | olahraga |
| dan | kekal | jangka hayat |
| di | sihat | nilai murni |
| seperti | berat | tanggungjawab |
| jeram | ideal | akhir kata |
| bukan | suka | terima kasih |
| namun | pula | |
| udara | oleh | |
| segar | mereka | |
| yakin | lebih | |
| pernah | panjang | |
| boleh | atlet | |
| dengan | lain | |
| jari | diri | |
| kita | sudah | |
| stamina | pasti | |
| fizikal | sikap | |
| mental | erat | |
| khusus | lagi | |
| tentang | masa | |
| sukan | hidup | |
| ambil | ada | |
| deras | banyak | |
| mampu | agar | |
| adrenalina | demi | |
| jantung | sekian | |
| kencang | | |
| bagi | | |

Halaman yang telah dibaiki

233
KPM

| TEMA 3: MEMETIK BINTANG | |
|---|---|
| **Halaman 36 – 37 (Soalan 2)** | |
| **Cantuman huruf dan suku kata perkataan**<br>1. Yawam<br>2. Permam | **Cantuman huruf awal perkataan**<br>1. IIA 2. IIS 3. PLKA<br>4. KTM 5. IKIM [illegible] |
| **Cantuman suku kata awal perkataan**<br>1. Bernama<br>2. cerpen | **Cantuman bahagian awal perkataan pertama dengan bahagian perkataan yang mengikutnya**<br>1. senamrobik<br>2. jenama |

| TEMA 4: MENJULANG HARAPAN DI BUMI BERTUAH | | |
|---|---|---|
| **Halaman 48 – 49 (Soalan 2)** | | |
| **Kata Nama Khas** | **Kata Nama Am** | **Kata Ganti Nama** |
| **Hidup – manusia** | **Hidup – manusia** | **Kata ganti nama diri orang** |
| Adora, Luqman, Nuyah | murid-murid | kita, awak, saya |
| Cikgu Zaki | ahli | |
| Cikgu Mashita | | **Kata ganti nama diri tanya** |
| | | apakah, bagaimanakah |
| | | |
| **Hidup – bukan manusia** | **Hidup – bukan manusia** | **Kata ganti nama tunjuk umum** |
| *Netherland Dwarf* | kambing | itu, ini |
| *Holland Lop* | arnab | |
| *New Zealand White* | arnab pedaging | |
| *California* | arnab hiasan | |
| | arnab bulu | |
| | | |
| **Tak hidup – bukan manusia** | **Tak hidup – institusi** | |
| Projek Ternakan dalam Taman | sekolah, stor perabot lama | |
| Kelab Pertanian | | |
| | **Tak hidup bukan institusi konkrit** | |
| | sangkar, wakaf | |
| | | |
| | **Tak hidup bukan institusi abstrak berbilang** | |
| | iklan, projek, kertas cadangan, rayuan, keputusan | |

235
KPM

| TEMA 3: MEMETIK BINTANG | |
|---|---|
| **Halaman 36 – 37 (Soalan 2)** | |
| **Cantuman huruf dan suku kata perkataan**<br>1. Yawam<br>2. Permam | **Cantuman huruf awal perkataan**<br>1. IKIM<br>2. IPPTAR |
| **Cantuman suku kata awal perkataan**<br>1. Bernama<br>2. cerpen | **Cantuman bahagian awal perkataan pertama dengan bahagian perkataan yang mengikutnya**<br>1. senamrobik<br>2. jenama |

| TEMA 4: MENJULANG HARAPAN DI BUMI BERTUAH | | |
|---|---|---|
| **Halaman 48 – 49 (Soalan 2)** | | |
| **Kata Nama Khas** | **Kata Nama Am** | **Kata Ganti Nama** |
| **Hidup – manusia** | **Hidup – manusia** | **Kata ganti nama diri orang** |
| Adora, Luqman, Nuyah | murid-murid | kita, awak, saya |
| Cikgu Zaki | ahli | |
| Cikgu Mashita | | **Kata ganti nama diri tanya** |
| | | apakah, bagaimanakah |
| | | |
| **Hidup – bukan manusia** | **Hidup – bukan manusia** | **Kata ganti nama tunjuk umum** |
| *Netherland Dwarf* | kambing | itu, ini |
| *Holland Lop* | arnab | |
| *New Zealand White* | arnab pedaging | |
| *California* | arnab hiasan | |
| | arnab bulu | |
| | | |
| **Tak hidup – bukan manusia** | **Tak hidup – institusi** | |
| Projek Ternakan dalam Taman | sekolah, stor perabot lama | |
| Kelab Pertanian | | |
| | **Tak hidup bukan institusi konkrit** | |
| | sangkar, wakaf | |
| | | |
| | **Tak hidup bukan institusi abstrak berbilang** | |
| | iklan, projek, kertas cadangan, rayuan, keputusan | |

235
KPM

*Rajah 10: Muka hadapan buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu SMPC*




Bagi buku teks SMPC pula, paparan muka hadapannya dilihat bersifat klasik. Penggunaan ilustrasi yang relatif kurang dan terdiri daripada gambar- gambar lama. Buku ini juga menggunakan font tulisan yang besar dan jelas. Turut dinyatakan di muka hadapan buku ini ialah Buku Teks Sekolah Menengah Persendirian Cina yang telah digubal oleh Jawatankuasa Kurikulum Bersama Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina.

Buku teks SMPC kelihatan lebih ringkas persembahan muka hadapannya. Penggunaan tulisan yang jelas, ringkas dan padat mencukupi kadar seperti persembahan kandungan dalam buku yang juga bersifat ringkas dan padat. Bagi buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4, ia kelihatan lebih padat dan susunan penjadualannya teratur mengikut garis panduan DSKP. Manakala buku teks Menengah Tinggi Satu SMPC isi kandungannya lebih ringkas dan padat.

## ISI KANDUNGAN

Reka bentuk awal buku berperanan menjelaskan gambaran awal isi kandungan sesuatu bahan bacaan. Seperti yang dilihat pada muka hadapan buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4, senarai kandungan buku dipaparkan dalam Rajah 11.

*Rajah 11: Paparan Senarai Kandungan Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4, KPM*



KANDUNGAN
Pendahuluan ..... vii
Pemetaan Kandungan ..... xii
Aktiviti Pembelajaran Abad Ke-21 ..... xv
Teknik Bacaan ..... xviii

TEMA 1
MEREALISASIKAN IMPIAN ..... 1
Kitalah Juara! ..... 2
Menawan Samudera ..... 4
Jutawan Sukan ..... 6
Lautan Api Kurenangi ..... 8
Tangan yang Menggoncang Dunia ..... 10
Menyusuri Pulau Inspirasi ..... 12

TEMA 2
INSAN TERDIDIK, NEGARA SEJAHTERA ..... 14
Nutrien untuk Minda ..... 16
Bahasa Melayu di Persada Dunia ..... 18
Evolusi Pembelajaran Sepanjang Hayat ..... 20
Malaysia Membaca ..... 22
Membawa Dunia ke Bilik Darjah ..... 24
Jelajah Bahasa ..... 26

TEMA 3
MEMETIK BINTANG ..... 27
Kerjaya di Awan Biru ..... 28
Saksi Senyap Rungkai Misteri ..... 30
Dari Titik ke Titik ..... 32
Menjulang Potensi Diri ..... 34
Harapan Setinggi Gunung ..... 36
Penilaian ..... 38

TEMA 4
MENJULANG HARAPAN DI BUMI BERTUAH ..... 43
Semerah Rozel ..... 44
Terbaik dari Kolam ..... 46
Realisasikan Impian ..... 48
Serikandi Berjasa! ..... 50
Sinar Baharu Penternak Jaya ..... 52
Teka Silang Tarsia ..... 54
Juadah Penambat Selera ..... 55
Petua Nenek untuk Sihat ..... 56

TEMA 5
MEMACU PRODUKTIVITI ..... 57
Rumah Pasang Siap ..... 58
Khazanah Hutan Bakau ..... 60
Kek Aneka Rona ..... 62
Menghacapi Rintangan ..... 64
Maju dalam Industri Mutakhir ..... 66
Industri Kraf Tangan ..... 68
Teka Silang Kata ..... 69

iv KPM

TEMA 6
DUNIA PELANCONGAN ..... 70
Malaysia Syurga Makanan ..... 72
Tahan Menghijau ..... 74
Warisan Dunia ..... 76
Pelancong Hijau ..... 78
Pos Kuala Mu ..... 80
Komik Peribahasa ..... 82
Sambil Menyelam Minum Air ..... 83
Masa untuk Berlibur ..... 84

TEMA 7
DEMI KEDAMAIAN ..... 85
Muafakat Korporat ..... 86
Jebak Digital ..... 88
Geruh-gerah Badan Air ..... 90
Gema Belantara ..... 92
Tentang Bulan ..... 94
Penilaian ..... 96

TEMA 8
DALAM LIPATAN KENANGAN .. 101
Rumah Pusaka Sutan Mangatas ..... 102
Darah Satria ..... 104
Sejarah Mendewasakan Kita ..... 106
Tekstil Warisan ..... 108
Tercatat dalam Sejarah ..... 110
Ala, Emak Kahwinkan Aku! ..... 112
Yang Lama Jangan Dilupakan ..... 114

TEMA 9
SAYANGI MALAYSIAKU ..... 115
Bukan Sebarang Seniman ..... 116
Identitiku ..... 118
Amalan Hidup Bermasyarakat ..... 120
Menu Malaysia di Serata Dunia ..... 122
Misi Kemanusiaan ..... 124
Sebutir Permata Budaya ..... 126
Amalan Hidup Bermasyarakat ..... 127
Tiada Rintangan dapat Menghalang ..... 128

TEMA 10
BAHASA BUGAR, SASTERA KEKAR .. 129
Tukang Tulis ..... 130
Sasterawan dari Utara ..... 132
Bahasa Murni, Wajah Peribadi ..... 134
Sastera untuk Masyarakat ..... 136
Pencinta Bahasa ..... 138
Penilaian ..... 140

TEMA 11
EKONOMI DINAMIK, NEGARA BERWIBAWA ..... 145
Belanjawan Dinamik ..... 146
Mendung Beralih Jua ..... 148
Tunaikan Tanggungjawabmu ..... 150
Yakin, Pasti Boleh! ..... 152
Simpan, Labur, dan Untung! ..... 154
Tak Takut Rugi? ..... 156
Manfaat Cukai ..... 157

v KPM

TEMA 12
ASLI DAN KONTEMPORARI .. 158
Ekspresi Diri ..... 160
Asimilasi Seni ..... 162
Indahnya Terapeutik ..... 164
Dari Dapur Bonda ..... 166
Hutan Kecilku ..... 168
Kraf Malaysia ..... 170
Duta Remaja Filharmonik ..... 171

TEMA 13
SEGALANYA BERMULA DI SINI .. 172
Lubuk Akal, Tepian Ilmu ..... 174
Patah Dagu Bertongkat Paruh ..... 176
Kuasa Graviti ..... 178
Panorama Diorama ..... 180
Pulau 11 Gelaran ..... 182
Penilaian ..... 184

TEMA 14
SIHAT DAN BERSIH PILIHANKU .. 189
Ikrar Anda, Harapan Mereka ..... 190
Mitos Perubatan ..... 192
Vektor Pembawa Penyakit ..... 194
Debu-debu di Udara ..... 196
Marah, Jangan Engkau Marah ..... 198
Wajah Dambaan Hati ..... 200
Cegah sebelum Parah ..... 201

TEMA 15
ANGIN PERUBAHAN MEMBADAI .. 202
Bahasa Alam ..... 204
Futuris ..... 206
Harga Teknologi ..... 208
Makan Sains, Tidur Sains ..... 210
Inovasi 5G ..... 212
Biodiesel ..... 214

TEMA 16
DIPIMPIN UNTUK MEMIMPIN ..... 216
Bela Positif, Terserlah Wibawa ..... 218
Mari Mengundi ..... 220
Pemimpin Berkesan, Pencetus Kejayaan .. 222
Kecindan Pemimpin ..... 224
Muafakat Serantau ..... 226
Penilaian ..... 228

Jawapan/Lampiran Pilihan ..... 233
Glosari ..... 245
Senarai Rujukan ..... 247
Indeks ..... 249
Skrip Pendengaran ..... 251

vi KPM


Paparan isi kandungan buku teks ini dimuatkan dalam tiga muka surat penuh. Terdapat 16 tema yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 yang merangkumi topik pelancongan, ekonomi, sains, teknologi, kewarganegaraan, perpaduan dan sebagainya. Setiap tema mempunyai subtopiknya yang tersendiri dan bersifat berkesinambungan antara satu ke satu subtopik yang lain. Selain memudahkan guru untuk mengajar, ia juga bersifat informatif dan sarat dengan pengisian. Cuma setiap subtopik itu dikupas secara ringkas.

Dari segi lain, buku teks SMPC mengandungi 10 unit yang mempunyai satu topik sahaja di bawah setiap unit seperti Rajah 12.

*Rajah 12: Paparan Senarai Kandungan Buku Teks SMPC*



KANDUNGAN

Muka Surat

**UNIT 1: TEKNOLOGI MODEN DALAM BIDANG PENGANGKUTAN**


Kesan Teknologi Moden Dalam Pengangkutan
- Membaca dan Memahami 2
- Mendengar dan Bertutur 7
- Menulis
  - Karangan Jenis Perbincangan-Perenggan Pendahuluan 8
- Tatabahasa
  - Morfologi
    - Kata Nama 22
  - Sintaksis
    - Ayat Dasar 27
    - Pola Ayat Dasar 27
    - Ayat Tunggal 28
  - Peribahasa 29
- Sastera (KOMSAS)
  - Pantun-Pantun Empat Kerat (Budi) 30
- Penterjemahan 32


**UNIT 2: KOMUNIKASI ALAF BAHARU**


Laman Sosial pada Alaf Moden
- Membaca dan Memahami 36
- Mendengar dan Bertutur 40
- Menulis
  - Karangan Jenis Perbincangan-Perenggan Penutup 40
- Tatabahasa
  - Morfologi
    - Pembentukan Kata Nama 45
  - Sintaksis
    - Ayat Susunan Biasa dan Ayat Susunan Songsang 47
- Sastera
  - Prosa Klasik-Pelayaran yang Penuh Peristiwa 49
- Penterjemahan 52


KANDUNGAN

Muka Surat

**UNIT 3: INSTITUSI KEKELUARGAAN**


Punca-punca Peningkatan Pembuangan Bayi di Malaysia
- Membaca dan Memahami 56
- Mendengar dan Bertutur 60
- Menulis
  - Karangan Jenis Perbincangan 61
- Tatabahasa
  - Morfologi
    - Pembentukan Kata Nama 61
  - Sintaksis
    - Ayat Tunggal 67
    - Ayat Majmuk 67
  - Peribahasa 70
- Sastera
  - Cerpen-Ibu dan Ceper 71
- Penterjemahan 74


**UNIT 4: SUKAN LASAK**


Sukan Lasak di Malaysia
- Membaca dan Memahami 78
- Mendengar dan Bertutur 82
- Menulis
  - Pengenalan Rumusan 87
- Tatabahasa
  - Morfologi
    - Kata Kerja 100
  - Sintaksis
    - Jenis-jenis Ayat Aktif 104
- Sastera
  - Sajak-Adat Sezaman 111
- Penterjemahan 113


KANDUNGAN

Muka Surat

**UNIT 7: KEMASUKAN WARGA ASING DI MALAYSIA**


Sumbangan Pekerja Asing di Malaysia
- Membaca dan Memahami 172
- Mendengar dan Bertutur 177
- Menulis
  - Karangan Jenis Surat Kiriman Rasmi 178
- Tatabahasa
  - Morfologi
    - Pembentukan Kata Kerja 189
  - Sintaksis
    - Ayat Perintah 197
- Sastera
  - Sajak-Mengintai Ruang Insaf 201
- Penterjemahan 203


**UNIT 8: PERLEMBAGAAN MALAYSIA**


Sistem pelantikan Yang di-Pertuan Agong
- Membaca dan Memahami 206
- Mendengar dan Bertutur 211
- Menulis
  - Rumusan 212
- Tatabahasa
  - Morfologi
    - Kata Adjektif 215
  - Sintaksis
    - Analisis Ayat-Kata Nama 222
- Sastera
  - Syair-Syair Definisi Orang Berakal 223
- Penterjemahan 225


KANDUNGAN

Muka Surat

**UNIT 9: MENGENANG BUDI**


Sekalung Terima Kasih Untuk Yang Teristimewa
- Membaca dan Memahami 228
- Mendengar dan Bertutur 232
- Menulis
  - Karangan Jenis Surat Kiriman Tidak Rasmi 234
  - Penggunaan Kata Ganti Nama dalam Surat Kiriman Tidak Rasmi 237
- Tatabahasa
  - Morfologi
    - Kata Banyak Makna 239
    - Kata Hampir Sama Makna 242
  - Sintaksis
    - Frasa Kerja Tanpa Objek 247
  - Peribahasa 254
- Sastera
  - Cerpen-Israk 256
- Penterjemahan 258


**UNIT 10: PELANCONGAN TEMPATAN**


Tempat Pelancongan di Malaysia
- Membaca dan Memahami 262
- Mendengar dan Bertutur 265
- Menulis
  - Karangan Jenis Cerita 268
- Tatabahasa
  - Morfologi
    - Imbuhan Pinjaman 272
  - Sintaksis
    - Analisis Ayat-Kata Ganda 275
    - Analisis Ayat-Frasa Adjektif 277
- Sastera
  - Drama-Gelanggang Tuk Wali 278
- Penterjemahan 280

Jika dilihat pada Rajah 12, buku teks Bahasa Malaysia SMPC juga menggunakan grafik yang bersesuaian dengan tajuk unit. Namun isi kandungannya lebih berfokus kepada kemahiran-kemahiran berbahasa dalam bahasa Melayu. Pengkaji mendapati, di dalam setiap unit, hanya terdapat satu subtopik pembelajaran. Di samping itu, ditekankan juga latihan yang banyak pada setiap kemahiran. Pengkaji beranggapan bahawa penggubalan buku teks ini adalah bagi memudahkan sasaran audiensnya yang terdiri daripada kaum Cina kerana Bahasa Melayu merupakan bahasa kedua mereka. Keutamaan mereka adalah lebih diberikan untuk menguasai kemahiran-kemahiran berbahasa dalam Bahasa Melayu untuk membolehkan mereka menduduki peperiksaan dan memperolehi keputusan akademik yang memuaskan.

## JAWATANKUASA PENGGUBAL

Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 SMK digubal oleh jawatankuasa penggubal dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk Kementerian Pendidikan Malaysia.

*Rajah 13: Paparan Senarai Nama Jawatankuasa Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 SMK*



*Rajah 14: Paparan Senarai Nama dalam Jawatankuasa Buku Teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu SMPC*

**Sidang Pengarang Buku Teks Menengah Tinggi Satu:**

**Penasihat:**
Dr. Lim Swee Tin
Dr. Chong Fah Hing
Tan Poh Boo

**AJK & Editor-editor Kanan:**
Agustinus
Chong Chee Keong
Chong Yok Fong
Mohd. Azlan Bin Nasarudin
Mohd. Rosli Bin Nordin
Mohd. Shahril Bin Abdul Rahman
Ng Hiang Meng
Nor Jaffry Shah Bin Hashim
Sek Choon Chiang
Tin Lee Hong
Wong Kwong Hui
Yen Sui Len

**Penulis:**
Chong Yok Fong
Tin Lee Hong
Wong Nai Kung
Mohd. Rosli Bin Nordin

**Editor:**
Lee Bee Kean

Manakala penggubalan buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu ini digubal oleh Jawatankuasa Kurikulum Bersepadu dan Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia.

*Rajah 15: Prakata dan Penghargaan Buku Teks BM Tingkatan 4*


KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0089

KK 499-221-0102011-49-2513-30101
ISBN 978-983-49-2513-0

Cetakan Pertama 2019
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2019

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini, tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-21479643
Laman Web: http://www.dbp.gov.my

Reka Letak dan Atur Huruf:
Aliran KH Enterprise

Muka Taip Teks: Utopia
Saiz Muka Taip Teks: 11 poin

Dicetak oleh:
My Bookpal Sdn. Bhd.,
13A, Jalan Taming 10,
Taman Taming Jaya Industrial Park,
43300 Balakong,
Selangor Darul Ehsan.

## Penghargaan

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- Pakar Rujuk Bahasa, Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah binti Abdul Karim
- Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)
- Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan)
- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)
- Perbadanan Kota Buku
- Bahagian D10, Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- Pusat Pemprosesan Makanan FAMA, Rengit, Johor
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
- Bank Negara Malaysia (BNM)
- Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
- Majlis Sukan Negara (MSN)
- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)
- Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA)
- Universiti Putra Malaysia (UPM)
- *Trash Hero* Langkawi
- Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara Malaysia (NIOSH)
- Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM)
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Sembilan (JKKNNS)
- Sekolah Menengah Sains Tuanku Munawir, Seremban, Negeri Sembilan
- Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 16, Shah Alam, Selangor
- Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang Beluru, Kuala Kangsar, Perak
- Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan 3, Bandar Baru Bangi, Selangor
- Universiti Malaysia Sabah (UMS)
- Petrosains
- Kementerian Industri Utama (MPI)
- Semua pihak yang terlibat secara langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku teks ini.

# PENGHARGAAN

**Penghasilan buku ini telah melibatkan pelbagai pihak. Dengan ini, kami ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama memberikan sumbangan sehingga buku ini sempurna diterbitkan.**

Untuk prakata dan penghargaan, kedua-dua buah buku teks memiliki cara tersendiri dalam menzahirkan sudut pandang masing-masing. Ia tidak memberi sebarang kesan kepada sukatan pelajaran, namun berfungsi untuk menghargai setiap usaha yang dilakukan oleh pihak berkenaan dalam proses penggubalan buku-buku ini.

## Infografik Tambahan

Selain itu, terdapat juga penjadualan standard kandungan dan standard pembelajaran seperti yang telah digariskan di dalam panduan DSKP.

*Rajah 16: Pemetaan Kandungan Sukatan Pelajaran yang Digariskan di dalam Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran*




Dalam proses penggubalan buku teks Bahasa Melayu di bawah penerbitan KPM, penggubal perlu merujuk DSKP sebagai panduan utama. Hal ini kerana setiap sukatan pelajaran perlu seiring dengan apa yang telah diselaraskan di dalam DSKP. Pemetaan Kandungan ini diterapkan ke dalam buku teks adalah bagi memudahkan guru-guru khususnya untuk menyemak semula sukatan pelajaran yang diajarkan. Selain itu, terdapat juga paparan bahagian pengajaran abad ke-21 (PAK21) yang menunjukkan bagaimana susun atur kelas PAK21. Paparan ini bukan sahaja memudahkan guru, bahkan memudahkan murid untuk mencari idea khususnya dalam proses PdP.

*Rajah 17: Paparan Aktiviti Pembelajaran Abad ke-21*



# PENDAHULUAN

*Rajah 18: Pendahuluan Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4*



## Pendahuluan

Buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 4* ini menterjemahkan hasrat yang tercakup dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tingkatan 4, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) melalui persembahan bahan berwarna-warni yang unik lagi menarik. Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca, Kemahiran Menulis, Seni Bahasa, dan Tatabahasa yang tersenarai dalam DSKP disusun atur mengikut kesesuaian daripada tahap mudah kepada tahap sukar berdasarkan susunan tema dengan harapan kemahiran dan pengetahuan tersebut dapat dipelajari secara ansur maju.

Buku ini mengandungi bahan-bahan rangsangan daripada 16 tema yang mendasari pembelajaran yang berasaskan modul yang dipecahkan mengikut tiga kemahiran bahasa yang utama, seni bahasa, dan pengetahuan tatabahasa. Walaupun tema-tema ini adalah sama seperti buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 1*, *Bahasa Melayu Tingkatan 2*, dan buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 3*, namun skop bahan yang dipilih berbeza. Pemilihan bahan telah dibuat secara teliti dengan mengambil kira pelbagai faktor termasuk cita rasa kumpulan sasaran, kepentingan, keperluan, kesesuaian, kebolehbacaan, ketepatan, kesahan, variasi bahan, dan maklumat yang mendalam berdasarkan tajuk untuk memastikan bahan yang digunakan sebagai rangsangan mengikut piawai. Bahan-bahan juga diperoleh daripada pelbagai sumber, iaitu sumber sekunder melalui bacaan dan rujukan, manakala sumber primer melalui pemerhatian, kajian lapangan, dan wawancara.

Dari segi persembahan pula, bahan-bahan terpilih ini telah dipersembahkan dalam bentuk paparan halaman berkembar yang menarik, segar, lagi bergaya. Paparan halaman berkembar ini memudahkan sesuatu tajuk dipersembahkan secara mendalam melalui variasi teks dan grafik yang mempunyai tahap keterbacaan atau kemudahbacaan yang tinggi. Gabungan antara teks, audio, video, dan grafik dengan permainan warna yang dimanfaatkan sepenuhnya dalam setiap halaman mampu memberi murid pengalaman pembelajaran yang sangat berharga dan menyeronokkan. Grafik dan gambar beresolusi tinggi yang digunakan bukan sekadar hiasan kerana setiap satunya berfungsi dan membawa makna yang tersendiri walaupun grafik tersebut terletak di halaman rangsangan bagi setiap tema.

Teknologi *QR Code* juga digunakan khusus bagi memuatkan bahan bantu belajar kemahiran mendengar dan bertutur dalam bentuk audio dan video. Selain itu, *QR Code* ini juga digunakan bagi menampung maklumat tambahan dalam bentuk teks yang terdiri daripada nota tatabahasa, info bestari, jawapan latihan, dan lain-lain. Buku ini juga turut menggunakan teknologi *Augmented Reality* (*AR*) sebagai alat bantu dalam mengajar murid-murid. *AR* ialah teknologi yang menggabungkan dunia maya dengan nyata dalam bentuk 2D atau 3D. Dalam buku ini, *AR* yang digunakan adalah dalam bentuk video dan 3D bagi menarik minat murid mempelajari bahasa Melayu.

Untuk menjadikan buku teks ini lebih mesra pengguna, pernyataan Standard Pembelajaran (SP) disertakan pada sebelah kanan halaman untuk setiap kemahiran bahasa. Bahagian aktiviti pula terbahagi kepada dua. Aktiviti dengan tulisan yang berwarna hitam ialah aktiviti yang berkaitan dengan SP. Aktiviti yang dicadangkan ini berbentuk umum bagi membuka ruang kepada guru dan murid untuk menentukan strategi dan teknik yang hendak digunakan agar bersesuaian dengan minat, kecenderungan, kesediaan, keperluan dan perbezaan tahap murid serta prasarana yang ada. Aktiviti dengan tulisan berwarna biru pula ialah aktiviti tambahan untuk memperkaya pengalaman belajar selaras dengan konsep pembelajaran terbeza dan *flipped classroom*. Permainan bahasa yang kreatif, santai, dan berbentuk didik hibur menjadi nilai tambah bagi buku ini.

viii

KPM

Pendahuluan buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 menerangkan kepelbagaian fungsi di dalam buku teks ini. Di samping itu, turut disertakan sekali ikon-ikon tambahan yang menarik bagi memberi informasi untuk menjelaskan bahagian-bahagian tertentu dalam sukatan pelajaran buku teks ini. Ia disampaikan dalam bentuk infografik yang memudahkan pengguna memahami dan menelaah isi kandungan buku teks ini. Ia merangkumi penyusunan pembelajaran berasaskan projek, penyusunan pembelajaran berasaskan masalah dan contoh-contoh aktiviti di hujung muka surat topik pembelajaran.

*Rajah 19: Paparan infografik Berkaitan Ikon-Ikon yang Membantu Penyampaian Mesej Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4*



# Teknik Bacaan

## KWLH

| Maksud KWLH | | |
|---|---|---|
| K | *Know* | Perkara yang sudah diketahui sebelum membaca. |
| W | *What* | Perkara yang hendak diketahui sebelum membaca. |
| L | *Learned* | Perkara yang dipelajari selepas membaca. |
| H | *How* | Cara untuk mendapat maklumat tambahan yang ingin diketahui (melalui bacaan seterusnya). |

**Langkah KWLH**

- Catat maklumat di dalam lajur K carta KWLH berdasarkan tajuk dan subtajuk dalam teks.
- Bina soalan mengenai maklumat yang ingin diketahui tentang tajuk tersebut di dalam lajur W.
- Murid melakukan pembacaan. Semasa dan selepas membaca teks, murid mengisikan maklumat ke dalam lajur L.
- Jika tidak semua jawapan bagi soalan di dalam lajur W terdapat dalam teks (Lajur L), catat maklumat yang tidak terjawab di dalam Lajur H berserta dengan cadangan sumber untuk mendapatkan jawapan.

| K (Yang Diketahui) | W (Ingin Diketahui) | L (Dipelajari) | H (Bagaimana) |
|---|---|---|---|
| | | | |

## CHATT

| Maksud CHATT | | |
|---|---|---|
| C | *Circle* | Bulatkan kata kunci. |
| H | *Highlight* | Serlahkan atau garisi idea penting. |
| A | *Asterisk* (*) | Tandakan (*) pada isi sampingan/sokongan. |
| T | *Transfer* | Pindahkan maklumat ke dalam borang CHATT. |
| T | *Teacher* | Guru memberikan rumusan tentang rekod murid di dalam borang CHATT. |



## QUACK

Teknik ini menggalakkan pembacaan secara aktif kepada teks yang berbentuk fakta, membuat pertimbangan terhadap maklumat, dan menandakan maklumat yang tertentu.

| Maksud QUACK | | |
|---|---|---|
| Q | *Question mark* (?) | Letakkan tanda soal (?) pada perkataan, rangkai kata, dan idea yang kabur serta tidak difahami. |
| U | *Underline* | Garisi takrif. |
| A | *Asterisk* (*) | Letakkan tanda asterisk (*) pada maklumat atau idea yang penting atau menarik. |
| C | *Circle* | Bulatkan fakta dan definisi penting. |
| K | *Keyword* | Letakkan huruf besar K di sebelah kata kunci (biasanya berhuruf tebal atau condong). |

## ACID

Teknik ini menggalakkan pembaca membaca teks secara aktif. Interaksi dan fokus pembaca terhadap teks dikekalkan kerana pembaca perlu membuat pertimbangan tentang bentuk dan maklumat yang dibaca.

| Maksud ACID | | |
|---|---|---|
| A | *Agree* | Bersetuju |
| C | *Confusing* | Mengelirukan |
| I | *Interesting* | Menarik |
| D | *Disagree* | Tidak bersetuju |



## SQ4R

Teknik ini mempunyai enam langkah, iaitu meninjau, menyoal, membaca, mencatat, menyatakan kembali, dan membuat refleksi.




Bersiap sedia sebelum membaca - prabaca (Meninjau, Menyoal)
Melibatkan diri semasa bacaan - sambil membaca (Membaca, Mencatat)
Memberikan reaksi selepas bacaan - (Menyatakan kembali, Membuat refleksi)

| *Preview* | *ReQuest* |
|---|---|
| Prosedur *Preview* (membaca untuk mendapatkan gambaran awal) | Prosedur *ReQuest* (membaca untuk membuat ramalan) |
| 1. Perkenalkan murid kepada teks.<br>2. Membaca teks secara sepintas lalu.<br>3. Membaca teks secara imbasan.<br>4. Menyenaraikan atau membincangkan kandungan teks.<br>5. Membaca teks sepenuhnya.<br><br>**Langkah pelaksanaan**<br>1. Guru memperkenalkan murid kepada teks yang akan dibaca pada hari tersebut.<br>2. Murid membaca teks tersebut secara sepintas lalu untuk mendapatkan gambaran umum.<br>3. Murid membaca teks secara imbasan untuk mencari maklumat yang tertentu.<br>4. Murid menyenaraikan atau membincangkan apa-apa yang diketahui oleh mereka tentang teks setelah membacanya secara sepintas lalu dan imbasan.<br>5. Murid membaca teks sepenuhnya. | 1. Guru dan murid membaca sebahagian daripada teks.<br>2. Guru menutup teks, murid bertanya.<br>3. Murid menutup teks, guru bertanya.<br>4. Meramalkan maklumat lanjut dalam teks.<br>5. Ramalan yang tidak tepat, ulang semula langkah 1- 4.<br>6. Perbincangan mengenai teks.<br><br>**Langkah pelaksanaan**<br>1. Guru dan murid bersama-sama membaca sebahagian daripada teks.<br>2. Guru menutup teks yang dibacanya dan murid diminta mengemukakan soalan berkaitan dengan teks yang tidak difahami.<br>3. Murid pula menutup teks yang dibacanya dan guru mengemukakan soalan berdasarkan teks.<br>4. Guru memandu murid untuk meramalkan maklumat lanjut yang akan ditemui daripada teks.<br>5. Murid dibenarkan meneruskan pembacaan secara senyap jika ramalan mereka yang berkaitan dengan teks adalah betul. Jika ramalan mereka salah, maka ulang semula langkah 1- 4.<br>6. Murid berbincang mengenai teks dan saling bertukar pandangan mengenai jawapan soalan. |

## Bahagian Grafik

Paparan grafik dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 sangat menarik, informatif dan menepati kandungan. Rekaan grafik yang menarik mampu menarik minat pembaca untuk menggunakan buku tersebut (Hanafi Mohd Tahir et al. 2018). Buku teks ini dapat dilihat penggunaan warna grafik disesuaikan dengan topik perbincangan. Sebagai contoh pada halaman 5 buku teks ini dengan tema dan subtopik berikut.

Tema 1 : Merealisasikan Impian

Subtopik : Menawan Samudera

*Rajah 20: Pemain Sukan Air dengan Acara Masing-Masing*





# Menawan Samudera

Membaca Tatabahasa

Aktiviti

1. Baca syarahan dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai serta kepantasan yang wajar.
2. Kenal pasti bentuk kata tunggal dan kata majmuk. Kemudian, gunakannya dengan betulnya mengikut konteks.
3. Terokai maklumat lanjut tentang kepentingan sukan air kepada negara dan persembahkannya dalam bentuk syarahan.

## Kepentingan Sukan Air

Yang Berusaha, Tuan Haji Kuswandi bin Tayen, Pengetua, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Jauhari, barisan guru penolong kanan, guru kanan mata pelajaran, guru cemerlang, guru-guru, dan rakan-rakan yang dikasihi. Bersempena dengan Hari Air Sedunia yang akan disambut pada 22 Mac setiap tahun, saya akan menyampaikan syarahan yang bertajuk, "Kepentingan Sukan Air".

Hadirin yang dihormati,

Aktiviti sukan, khususnya sukan air, merupakan suatu aktiviti yang sangat menyeronokkan. Saya percaya hadirin juga gemar berkelah dan bersantai di badan air seperti di tepi pantai, jeram, dan taman tema air, bukan? Namun, selain menghirup udara segar dan berenang di tepi pantai, pernahkah hadirin mengambil bahagian dalam aktiviti sukan air, antaranya termasuklah luncur jet, luncur air, luncur angin, layar-layang, luncur udara, bersnorkel, mahupun selam skuba? Saya yakin bilangan yang pernah mencubanya boleh dikira dengan jari. Oleh itu, marilah sama-sama kita telusuri kepentingan sukan air kepada kita.

Hadirin yang dihormati,

Kebanyakan sukan air memerlukan stamina, kecergasan fizikal, dan kecerdasan mental selain kemahiran khusus tentang sukan tersebut. Kita ambil contoh aktiviti berkayak. Pengalaman menyusuri jeram yang deras mampu mempercepat pengeluaran adrenalina. Jantung juga akan berdegup kencang bagi menghantar oksigen ke seluruh bahagian tubuh. Proses ini menyebabkan pembakaran lemak dalam badan berlaku. Hal ini menyebabkan peminat sukan air ini bukan sahaja kekal sihat, malahan memiliki berat badan yang ideal. Bagi mereka yang suka berenang pula, kajian yang dilakukan oleh penyelidik di Universiti South Carolina, Amerika Syarikat, mendapati bahawa jangka hayat perenang berkemungkinan lebih panjang berbanding dengan atlet lain seperti atlet olahraga.

Sukan air juga mampu memupuk nilai-nilai murni dalam diri. Oleh sebab kebanyakan sukan air ini melibatkan kemahiran menggunakan peralatan, peserta mestilah mematuhi arahan yang diberikan. Aspek keselamatan perlulah diutamakan. Bagi sukan air secara berkumpulan, berada di dasar laut dalam aktiviti selam skuba misalnya, sudah pasti akan memupuk sikap saling mempercayai, persefahaman, dan perpaduan yang erat. Banyak lagi nilai murni lain yang dapat diterapkan antaranya termasuklah keberanian, yakin diri, dan menghargai masa. Pendedahan yang berterusan kepada sukan air ini berupaya untuk meningkatkan kualiti hidup.

Hadirin yang dihormati,

Ada banyak lagi kepentingan sukan air. Namun, disebabkan masa mencemburui kita, hanya setakat ini sahaja syarahan daripada saya. Saya berharap agar syarahan ini akan dapat membuka mata pelbagai pihak tentang tanggungjawab kita dalam memajukan sukan air demi faedah kita bersama. Akhir kata, "Majulah Sukan untuk Negara".

Sekian, terima kasih.

2.1.1 Membaca teks **syarahan** dan pidato dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai serta kepantasan yang wajar.
5.1.1 Mengenal pasti dan menggunakan bentuk kata tunggal dan kata majmuk dengan betul mengikut konteks.

TEMA 1 Merealisasikan Impian

4 KPM 5 KPM

Topik ini membincangkan "Kepentingan Sukan Air". Jika dilihat pada paparan grafik, terdapat gambar aktiviti-aktiviti suka air yang menarik. Ia disokong pula dengan paparan grafik yang berlatarbelakangkan warna biru laut yang merentasi dua halaman dan bertepatan dengan topik perbincangan dalam subtopik ini.

Di sebalik itu, bahagian grafik dalam buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu SMPC memperlihatkan format persembahan yang lebih ringkas dan bersifat minima dibandingkan dengan buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4. Salah satu contoh boleh ditemui dalam halaman 206-209.

Unit 8 : Perlembagaan Malaysia

Subtopik : Sistem Pelantkan Yang di-Pertuan Agong

*Jadual 5: Bilangan Grafik dalam Petikan Bacaan Mengikut Unit*

| Unit | Bilangan Grafik dalam Petikan Bacaan |
|---|---|
| 1 | 6 |
| 2 | 2 |
| 3 | 2 |
| 4 | 0 |
| 5 | 4 |
| 6 | 4 |
| 7 | 0 |
| 8 | 2 |
| 9 | 0 |
| 10 | 0 |

Walau bagaimanapun, gambar grafik terdapat di bahagian lain dalam buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu SMPC khususnya di halaman unit dan aktiviti mendengar dan bertutur, manakala ilustrasi seperti jadual dan peta minda lebih banyak ditemui di bahagian karangan, tatabahasa dan sastera.

Elemen gambar dan grafik berperanan dalam menonjolkan kepelbagaian kaum dan etnik dalam negara ini dan dizahirkan melalui buku teks yang juga salah satu fungsinya adalah untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyatnya (Qhairunnisa, 2015), antara lain buku teks SMPC ini memuatkan gambar dan grafik berbilang kaum dan budaya di Malaysia seperti atlet sukan berbilang kaum, kraf tangan anyaman mengkuang, makanan berbilang kaum, warga asing, dan lain-lain.

## 7.1.4 Tahap Penguasaan

Tahap penguasaan merupakan satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Terdapat enam tahap penguasaan yang disusun secara hierarki, iaitu tahap penguasaan sangat terhad, terhad, memuaskan, baik, sangat baik dan cemerlang. Tahap penguasaan ini mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ditetapkan dalam kurikulum. Guru boleh mencatatkan perkembangan murid di dalam rekod mengajar, buku latihan, buku catatan, senarai semak, jadual dan dokumen lain yang sesuai. Perekodan tahap penguasaan dibuat menggunakan templat pelaporan yang disediakan setelah PdP sesuatu SP selesai dilaksanakan. Guru perlu menggunakan pertimbangan profesional dalam mentaksir keupayaan murid dan menentukan tahap penguasaannya berdasarkan senarai standard prestasi bagi kemahiran mendengar dan

bertutur, membaca dan menulis.

PBD tidak membandingkan pencapaian seseorang murid dengan murid lain tetapi melaporkan prestasi murid dalam pembelajaran dengan menerangkan kemajuan dan pertumbuhan murid dalam pembelajaran merujuk kepada pernyataan standard prestasi. Murid dinilai secara adil dan saksama sebagai individu dalam masyarakat berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa dibandingkan dengan individu lain.

## Tahap Penguasaan Keseluruhan

Tahap penguasaan keseluruhan bagi setiap mata pelajaran perlu ditentukan pada setiap akhir tahun. Tahap penguasaan keseluruhan ini merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Guru perlu menaksir murid secara kolektif dan holistik dengan melihat semua aspek semasa proses pembelajaran. Guru hendaklah menggunakan pertimbangan profesional dalam semua proses pentaksiran, khususnya dalam menentukan tahap penguasaan keseluruhan. Pertimbangan profesional boleh dilakukan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman guru, interaksi guru bersama dengan murid, serta perbincangan bersama dengan rakan sejawat.

Tahap penguasaan keseluruhan Bahasa Melayu adalah untuk menunjukkan tanda aras tertentu yang disusun secara hierarki digunakan bagi tujuan pelaporan individu. Tahap penguasaan ini menandakan pencapaian murid berdasarkan kemahiran bahasa secara keseluruhan merujuk pernyataan standard dalam DSKP Bahasa Melayu KSSM. Tahap penguasaan keseluruhan kemahiran bahasa ditentukan secara pertimbangan profesional dan kebijaksanaan guru melalui pelbagai kaedah seperti pemerhatian, latihan, pembentangan, respons murid, kerja projek berkumpulan dan sebagainya.

***Jadual 6: Tahap Penguasaan dan Tafsirannya***

| Tahap | Tafsiran |
|---|---|
| 1<br>Sangat Terhad | Murid mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang sangat lemah, sangat terhad dan memerlukan banyak bimbingan, panduan dan latihan dalam kemahiran bahasa. |
| 2<br>Terhad | Murid mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang lemah, terhad dan memerlukan sedikit bimbingan, panduan dan latihan dalam kemahiran bahasa. |

| | |
|---|---|
| 3<br>Memuaskan | Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang sederhana dan berupaya mengungkapkan idea serta menguasai kemahiran berfikir yang asas tanpa bimbingan dalam kemahiran bahasa. |
| 4<br>Baik | Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang baik, dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa dengan berkesan, berupaya mengungkapkan idea, menguasai kemahiran berfikir yang kritis, dan Tahap Tafsiran mengamalkan pembelajaran kendiri secara minimum dalam kemahiran bahasa. |
| 5<br>Sangat Baik | Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang tinggi, berupaya mengungkapkan idea dengan jelas dan terperinci, berkomunikasi secara efektif, mengaplikasikan pengetahuan bahasa yang lebih kompleks, menguasai kemahiran berfikir yang kritis dan kreatif, serta mengamalkan pembelajaran secara kendiri dalam kemahiran bahasa. |
| 6<br>Cemerlang | Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang cemerlang dan konsisten, berupaya mengungkapkan idea dengan jelas, terperinci dan tersusun, menguasai kemahiran berfikir yang kritis, kreatif dan inovatif, berkomunikasi secara efektif dan penuh keyakinan, mengamalkan pembelajaran secara kendiri serta menjadi model teladan kepada murid yang lain dalam kemahiran bahasa. |

Bagi menentukan aras tahap penguasaan murid, guru perlu merujuk jadual yang disediakan untuk setiap kelompok tahap penguasaan secara keseluruhan. Guru boleh mentafsir tahap penguasaan keseluruhan apabila murid telah melengkapkan proses PdP bagi sesuatu kelompok pembelajaran. Pertimbangan profesional guru diperlukan untuk menentukan tahap penguasaan keseluruhan murid berdasarkan pengalaman guru bersama murid, kebijaksanaan serta melalui perbincangan yang berfokus.

Tahap Satu dan Dua merupakan aras yang paling rendah. Sekiranya murid menguasai tahap tiga (memuaskan), mereka dianggap sudah mencapai tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang minima.

## 7.1.5 Komponen Sastera

Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu Tingkatan 4 berdasarkan DSKP KSSM dimuatkan dalam buku yang berbeza daripada buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4. Buku teks KOMSAS Tingkatan 4 diberi judul *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul* yang memuatkan teks penuh setiap karya sastera terpilih dan tidak memuatkan aspek kajian seperti tema, persoalan, latar, nilai dan pengajaran, dan sebagainya. Buku teks KOMSAS terdiri daripada genre seperti puisi tradisional, puisi moden, prosa tradisional, drama, cerpen dan novel. Tajuk-tajuk bagi setiap karya tersebut adalah seperti berikut:

***Jadual 7: Tajuk karya sastera dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4***

| Bil. | Karya Sastera | Tajuk |
|---|---|---|
| 1. | Puisi Tradisional | a) Syair Bidasari<br>b) Gurindam Dua Belas (Fasal yang Ketiga) |
| 2. | Puisi Moden | a) Sang Gembala Kuda (Mohd Hashim Othman)<br>b) Aku Membaca Lagi (Razali Mohd. Yusof)<br>c) www.sibermerdeka.com.my (Abdul Ghaffar Ibrahim)<br>d) Gelanggang (Onn Malini) |
| 3. | Prosa Tradisional | Kepimpinan Melalui Teladan |
| 4. | Cerpen | a) Kaduk, Ayam dan Raja (Zurinah Hassan)<br>b) Munsyi (Husna Nazri)<br>c) Jaket Kulit Kijang dari Istanbul (Maskiah Haji Masrom) |
| 5. | Drama | Berkhidmat untuk Negara (Affix Zulkarnaen Adam) |
| 6. | Novel | a) Leftenan Adnan Wira Bangsa (Abdul Latip bin Talib) - Edisi Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Negeri Sembilan<br>b) Di sebalik Dinara (Dayang Noor) - Edisi Johor, Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan<br>c) Jendela Menghadap Jalan (Ruhaini Matdarin) - Edisi Perlis, Kedah, Pulau Pinang<br>d) Pantai Kasih (Azmah Noordin) - Edisi Melaka, Pahang, Terengganu, Kelantan |

Komponen Sastera juga dimuatkan dalam setiap unit di dalam buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu SMPC. Namun, buku teks ini hanya memuatkan maksud, tema, persoalan, watak dan perwatakan, nilai dan pengajaran. Teks penuh bagi setiap karya tersebut perlu dirujuk di dalam *Antologi Harga Remaja*, iaitu antologi KOMSAS SMK yang lama. Komponen sastera yang dimuatkan meliputi pantun empat kerat, prosa klasik, cerpen, sajak, syair, dan drama. Tajuk-tajuk bagi setiap karya sastera adalah seperti Jadual 8.

***Jadual 8: Tajuk Karya Sastera dalam Buku Teks Menengah Tinggi Satu SMPC***

| Bil. | Karya Sastera | Tajuk |
|---|---|---|
| 1. | Pantun | Budi (Anwar Ridhuan) |
| 2. | Prosa Klasik | Pelayaran yang Penuh Peristiwa |
| 3. | Cerpen | a) Ibu dan Ceper (Shahnon Ahmad)<br>b) Memori Seorang Tua (Zahari Affandi)<br>c) Israk |
| 4. | Sajak | a) Adat Sezaman (Wan Nazihah Wan Abdullah)<br>b) Di Perpustakaan<br>c) Mengintai Ruang Insaf (Shukri Abdullah) |
| 5. | Syair | Syair Definisi Orang Berakal (Abu Hassan Sham) |
| 6. | Drama | Gelanggang Tuk Wali (Ismail Kassan) |

## 7.2 Perbandingan Buku Teks DSKP dan SMPC dari segi Objektif, Penampilan, dan Strategi Pengajaran

### 7.2.1 Objektif

Buku teks bahasa Melayu Tingkatan 4 bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif yang berikut:

a) Mendengar, mengenal, menyebut dan memahami perbezaan sebutan perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dan menuturkan ayat dalam pelbagai ujaran dengan menggunakan aspek kejelasan, nada, dan kelancaran dalam situasi lisan dengan betul;

b) Mendengar, menganalisis, menyusun dan menerangkan maklumat daripada pelbagai wacana dengan betul, tepat dan bermakna;

c) Menyampaikan maklumat, pendapat, ceramah dan syarahan tentang sesuatu perkara dengan yakin secara bertatasusila;

d) Mengenal pasti, menilai soalan dan bersoal jawab dalam situasi untuk meningkatkan kebolehpasaran diri dalam bidang pendidikan dan kerjaya dengan yakin;

e) Berbincang dengan mengemukakan idea, menyelesaikan masalah dan merumus isu semasa secara kritis dan rasional menggunakan ayat yang gramatis dan bahasa yang santun;

f) Mengulas karya dengan menyatakan kekuatan dan kelemahan secara jelas, bernas dan kritis;

g) Membaca teks syarahan, pidato dan skrip drama dengan sebutan dan intonasi yang betul, nada yang sesuai serta kepantasan yang wajar;

h) Membaca untuk memahami maklumat yang diakses daripada pelbagai bahan dengan memberikan respons yang betul dan meningkatkan penguasaan kosa kata dalam pelbagai bidang;

i) Menulis untuk meramal sesuatu perkara, melengkapkan maklumat dan menjawab pelbagai soalan dengan menggunakan ayat yang gramatis;

j) Menulis untuk membina kerangka karangan dan karangan lengkap secara terancang;

k) Menulis untuk mengolah maklumat daripada pelbagai bahan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai;

l) Memurnikan kesalahan bahasa dan menilai kejituan idea dalam pelbagai teks;

m) Memahami dan mengapresiasi karya sastera dengan menyatakan respons peribadi yang sesuai;

n) Menghasilkan skrip drama, seloka dan mempersembahkan sketsa, puisi dan cerpen menggunakan idea yang kreatif, bahasa yang indah dan bertatasusila;

o) Mengenal pasti dan menggunakan bentuk kata dan golongan kata dengan betul mengikut konteks;

p) Mengenal pasti dan menggunakan pelbagai frasa dan ayat dengan yang betul mengikut konteks;

Manakala, objektif Kurikulum Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu SMPC pula tertumpu kepada perkara-perkara berikut:

a) Menguasai kemahiran asas mendengar, bertutur, membaca, dan menulis untuk tujuan berkomunikasi, kehidupan seharian, pekerjaan, mengendali dokumen-dokumen dalam urusan rasmi, memperoleh dan menterjemah maklumat daripada pelbagai sumber media massa cetak serta elektronik;

b) Mempunyai kemahiran menggunakan kamus, internet, bahan rujukan dan maklumat-maklumat lain untuk menjalankan proses pembelajaran, dan juga mempunyai kemahiran kognisi serta metakognisi untuk mempertingkatkan keberkesanan pembelajaran;

c) Memahami budaya, adat resam, pantang larang, sejarah, kepercayaan, dan kenegaraan yang berkaitan dengan bahasa Malaysia, seterusnya pelajar dapat menggunakan bahasa Malaysia dengan sesuai dan berbudi pekerti di samping melahirkan nilai murni, semangat perpaduan, dan perasaan cinta akan negara;

d) Menggunakan pengetahuan bahasa yang dipelajari untuk melanjutkan pelajaran serta sebagai asas mendalami pembelajaran bahasa Malaysia;

e) Menggunakan bahasa Malaysia dengan yakin bagi sebarang tujuan, dapat menerima kemahiran berbahasa sebagai sebahagian daripada kebolehan berbahasa untuk kebaikan diri sendiri, dan mempunyai sikap positif untuk menguasai bahasa Malaysia.

### 7.2.2 Strategi Pengajaran

Kemahiran abad ke-21 merupakan salah satu kemahiran pembelajaran yang sangat bermakna supaya pelajar lebih berdaya saing pada abad ini. Kemahiran abad ke-21 dikaitkan dengan pelbagai kemahiran yang meliputi kemahiran berkomunikasi, kemahiran membaca, mengira, menulis, kemahiran sains dan teknologi, kemahiran interpersonal, kemahiran intrapersonal dan lain-lain. Oleh yang demikian, strategi pengajaran juga perlu mengikut peredaran berdasarkan keperluan semasa bagi menjamin keperluan murid dari segi pengetahuan, nilai dan kemahiran yang relevan.

Strategi pengajaran abad ke-21 ini dibincangkan secara langsung dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4. Antara lain termasuklah pembelajaran berasaskan inkuiri, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran berasaskan masalah, pengajaran terbeza, dan lain-lain.

Contoh strategi pengajaran tersebut ialah Pembelajaran Berasaskan Inkuiri yang meliputi proses mencari dan menyiasat masalah, membina hipotesis, mereka bentuk eksperimen, mengumpulkan data dan membuat

kesimpulan untuk menyelesaikan masalah. Pembelajaran berasaskan inkuiri yang dibincangkan dalam buku teks bahasa Melayu Tingkatan 4 adalah seperti berikut.

*Rajah 22: Pembelajaran Berasaskan Inkuiri*




Berdasarkan penerangan di atas, contoh strategi pengajaran berasaskan inkuiri yang disarankan dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 adalah seperti aktiviti pada tema 2 dan tema 3 berikut,

*Rajah 23: Contoh Strategi Pengajaran Berasaskan Inkuiri*




Contoh aktiviti tersebut dikatakan sebagai aktiviti bagi strategi pengajaran berasaskan inkuiri kerana ia memberi ruang kepada murid untuk meneroka dan mendefinisikan konsep serta menggunakannya berdasarkan perkataan sendiri. Selain itu, aktiviti ini juga meningkatkan pemahaman dan memastikan pemahaman berikut tidak terkeluar daripada definisi asal serta menggalakkan murid mengaplikasikan konsep asal dengan menerokai perkataan lain, seterusnya membina ayat baharu untuk membezakan makna perkataan tersebut.

Strategi pengajaran lain yang dibincangkan dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 adalah Pembelajaran Berasaskan Projek. Bennette et al (2022) menyatakan bahawa pembelajaran berasaskan projek berupaya membina pemikiran yang kritis, kreatif, sistematik dan logik. Hal ini demikian kerana strategi ini memerlukan murid untuk mengkaji sesuatu isu atau topik secara mendalam bagi menghasilkan sesebuah produk. Pembelajaran berasaskan projek memerlukan murid untuk bekerja secara kolaboratif, berkomunikasi dan menjana pemikiran kritis dan kreatif dalam situasi yang sebenar. Beberapa perkara penting perlu diberi perhatian dalam menerapkan strategi pembelajaran berasaskan projek. Antaranya ialah membina soalan utama. Soalan tersebut mestilah bersifat proaktif, terbuka dan berkaitan dengan perkara yang perlu dipelajari oleh murid untuk memberikan tujuan dan cabaran kepada murid. Perkara kedua adalah suara dan pilihan murid. Pada tahap ini, murid perlu menentukan tajuk, soalan utama, sumber dan produk yang akan dihasilkan. Perkara ketiga adalah inkuiri dan inovasi. Guru perlu membimbing murid untuk membina lebih banyak soalan berdasarkan soalan utama, membuat hipotesis dan bersifat terbuka kepada idea-idea yang diutarakan. Perkara keempat adalah maklum balas dan semakan. Murid akan memberikan pandangan berdasarkan contoh dan rubrik untuk menambah baik hasil produk. Pada tahap ini, pandangan pakar juga amat digalakkan. Seterusnya ialah

pembentangan produk. Murid-murid akan membentangkan produk mereka dan membuat refleksi mengenai produk kepada audiens. Ringkasan mengenai strategi pembelajaran berasaskan projek adalah seperti berikut:

*Rajah 24: Ringkasan Strategi Pembelajaran Berasaskan Projek*




Contoh strategi pengajaran berasaskan projek yang disarankan dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 tema 2, 3 dan 4 seperti berikut.

*Rajah 25: Contoh Strategi Pengajaran Berasaskan Projek*




Strategi pengajaran yang seterusnya adalah Pembelajaran Berasaskan Masalah. Strategi ini mencabar pemikiran murid untuk menyelesaikan masalah berdasarkan situasi sebenar. Norman & Schmidt (2016) juga bersetuju bahawa pembelajaran berasaskan masalah merupakan kaedah pedagogi yang berpusatkan pelajar dan menggalakkan pelajar belajar melalui penyelesaian masalah secara kolaboratif dan mencapai penyelesaian menggunakan masalah yang bersifat autentik melalui interaksi rakan sebaya dengan guru secara aktif.

Terdapat beberapa langkah yang perlu diambil bagi menerapkan pembelajaran berasaskan masalah dalam pengajaran dan pembelajaran terutamanya dalam pembelajaran bahasa Melayu. Antaranya adalah dengan menentukan masalah. Para guru mestilah mengemukakan isu-isu sebenar yang kompleks dan mencabar pemikiran murid. Langkah kedua adalah dengan mengenal pasti dan memahami masalah. Seterusnya, menyelesaikan masalah dengan mengaplikasikan kemahiran, prinsip, dan teori kaedah penyelesaian masalah yang sesuai. Kemudian melakukan penilaian dengan menyenaraikan dan menilai cadangan penyelesaian masalah. Akhir sekali, pada tahap penentuan, murid perlulah membuat keputusan secara kolektif. Ringkasan penerangan mengenai strategi pembelajaran berasaskan masalah adalah seperti berikut.

***Rajah 26: Ringkasan Strategi Pembelajaran Berasaskan Masalah***




Contoh strategi pengajaran berasaskan masalah yang diaplikasikan dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 pada tema 7 dan 11 seperti berikut:

*Rajah 27: Contoh Strategi Pengajaran Berasaskan Masalah*




Dalam buku teks bahasa Melayu Tingkatan 4, pengajaran berbeza atau pengajaran terbeza (differentiated instruction) diaplikasikan pada bahagian aktiviti. Pengajaran terbeza ini merupakan kaedah pengajaran yang memenuhi keperluan pembelajaran dan memberi peluang pembelajaran yang sama kepada setiap murid agar mereka mampu belajar secara optimum mengikut aras kognitif dan situasi pembelajaran mereka (Zamri et al. 2018). Kaedah ini mengambil kira tahap pembelajaran murid, dan kecenderungan serta kemampuan pembelajaran yang dimiliki untuk mencapai objektif pembelajaran mengikut perancangan pengajaran guru. Hal ini disokong oleh Tomlinson dan Imbeau (2010) yang menyatakan bahawa kesediaan murid, minat dan peribadi pembelajaran merupakan kunci utama yang perlu diambil berat dan dipertimbangkan oleh guru dalam melaksanakan pengajaran terbeza ini. Contoh kaedah ini diaplikasikan dalam buku teks bahasa Melayu Tingkatan 4 dapat dilihat melalui beberapa aktiviti tema 1,2 dan 5 (berwarna biru) berikut.

*Rajah 28: Contoh Pengajaran Terbeza*



Aktiviti

1. Berdasarkan bahan, dengar dan kenal pasti perkataan yang berbeza sebutan. Kemudian, ujarkan ayat yang menggunakan perkataan tersebut.
2. Kenal pasti rangkai kata, istilah, dan ungkapan yang terdapat dalam bahan dan gunakannya dalam perbualan.
3. Terokai perkataan-perkataan lain yang berbeza sebutan dan bina dua ayat yang menunjukkan perbezaan makna dengan perkataan tersebut.

Aktiviti

1. Analisis maklumat dalam bahan dan kenal pasti kata, istilah, rangkai kata, dan ungkapan dengan betulnya mengikut konteks.
2. Bina ayat bagi membezakan makna kata, istilah, rangkai kata, dan ungkapan dengan betulnya mengikut konteks yang berbeza.
3. Terokai maklumat lanjut tentang e-sukan dan tulis laporan.

Aktiviti

1. Dengar dan analisis maklumat dalam kedua-dua bahan.
2. Jelaskan maklumat tentang pembinaan pasang siap yang anda dengar kepada kelas.
3. Kumpulkan gambar binaan yang menggunakan Sistem Binaan Berindustri dan jelaskan keunikan binaan tersebut.

Berdasarkan contoh aktiviti yang digunakan dalam buku teks bahasa Melayu Tingkatan 4 di atas, dapat dilihat bahawa pengajaran terbeza ini meliputi tiga aspek iaitu aspek kandungan, proses dan hasil yang perlu bertepatan dengan kemampuan murid agar tujuan pengajaran terbeza ini dapat dipenuhi (Tomlinson, 1999). Contohnya, dari aspek kandungan, murid yang berbakat akan diberikan isi pembelajaran yang lebih banyak dan mencabar berbanding dengan murid yang lemah akan diberikan tugasan yang sama, tetapi tahap kesukaran yang lebih rendah.

Dari aspek proses pula, murid berbakat akan membuat satu tugasan yang lebih kompleks berkaitan kandungan pembelajaran manakala murid lemah membuat tugasan yang sama, tetapi dipermudah dengan bahan bantu yang berbeza. Dari aspek hasil pula, kaedah ini memerlukan murid dengan menghasilkan hasil yang berbeza mengikut kemampuan, contohnya murid pandai menghasilkan sebuah karangan panjang, namun murid lemah menghasilkan sebuah ayat berdasarkan gambar. Melalui kaedah ini, ia akan menjadikan sebuah pengajaran yang lebih adil dalam menilai tahap pencapaian murid berdasarkan perbezaan tahap mereka kerana setiap murid mempunyai cara dan gaya belajar yang berbeza.

Terdapat beberapa kaedah pengajaran yang disarankan oleh buku teks SMPC ini. Antaranya ialah kaedah sumbang saran dan main peranan serta pembentangan.

Sumbang saran bermaksud percambahan idea yang dilaksanakan dalam sesi perbincangan untuk menggalakkan setiap murid dalam setiap kumpulan menyumbangkan idea dan pendapat. Kaedah ini menekankan murid untuk memberikan idea kreatif dalam sesi PdP. Antara aktiviti sumbang saran yang disarankan dalam buku teks SMPC adalah pada unit 1 dan 4 seperti berikut:

*Rajah 29: Contoh Aktiviti Sumbang Saran*



2. MENDENGAR DAN BERTUTUR

2.1 Aktiviti Sumbang Saran

Lihat gambar-gambar di bawah, berikan jenis sumber tenaga, kawasan sumber tenaga diperoleh dan kepentingan sumber tenaga tersebut. Kemudian, bentangkan hasil dapatan dalam kumpulan.

**Sumber Tenaga Tradisional**

**Sumber Tenaga Alternatif**



2.3 Aktiviti Sumbang Saran

Bentuk beberapa kumpulan dan cari maklumat yang berkaitan dengan perkara di bawah, kemudian bentangkan dapatan kumpulan di hadapan kelas.

| **Peranan Ibu bapa** | | **Peranan Sekolah** |
|---|---|---|
| a. ____________________<br>____________________<br>b. ____________________<br>____________________ | | a. ____________________<br>____________________<br>b. ____________________<br>____________________ |
| | **Usaha-usaha Memajukan Sukan di Malaysia** | |
| **Peranan Kerajaan** | | **Peranan Ahli Sukan** |
| a. ____________________<br>____________________<br>b. ____________________<br>____________________ | | a. ____________________<br>____________________<br>b. ____________________<br>____________________ |

Kaedah main peranan juga disarankan dalam buku teks Menengah Tinggi Satu SMPC. kaedah main peranan ini dikenali juga sebagai simulasi yang memerlukan aktiviti berkumpulan berorientasikan proses, iaitu murid melakonkan situasi kehidupan sebenar. Kaedah ini boleh dijalankan di dalam kelas dan murid yang mengambil bahagian perlulah berlagak seperti watak yang dibayangkan. Kaedah ini merupakan salah satu cara untuk mendapatkan penglibatan murid secara aktif dalam PdP. Contoh aktiviti main peranan yang disarankan dalam buku teks SMPC adalah pada unit 1 dan 5.

*Rajah 30: Contoh Aktiviti Main Peranan*



2.2 Aktiviti Main Peranan

Bentuk beberapa kumpulan dan lakonkan suasana di dalam sebuah bas. Mainkan peranan sebagai watak pemandu bas, konduktor bas, dan penumpang. Kandungan perbualan hendaklah berkaitan dengan perkembangan kemudahan bas dari dahulu hinggalah sekarang.

## 8.0 Kesimpulan

Secara tuntasnya, buku teks memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej-mesej murni terhadap penggunanya. Selain menjadi rujukan utama terhadap sukatan pelajaran di sekolah, buku teks juga berfungsi membawa kesedaran ilmu dalam usaha ke arah membangunkan modal insan yang berdaya saing seiring dengan kemajuan teknologi masa kini. Sukatan pelajaran telah disusun mengikut kesesuaian dengan memasukkan aspek perpaduan dalam kandungan buku teks.

Kedua-dua buku teks ini memiliki agenda tersendiri dalam menyampaikan sukatan pembelajaran seperti yang digariskan oleh pihak berautoriti iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jawatankuasa Kurikulum Bersama Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia. Penetapan garis panduan ini adalah bagi memudahkan proses penggubalan isi kandungan buku teks di samping mengkhususkan kepada sukatan dan huraian pembelajaran yang memberi fokus kepada kemahiran-kemahiran dalam Bahasa Melayu, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis.

Melalui kajian ini, penyelidik mendapati kekuatan fungsi kedua-dua buku teks ini. Daripada aspek penyampaian isi kandungan, buku teks Tingkatan 4 dilihat lebih terperinci penyusunannya. Pecahan aspek yang digariskan di dalam DSKP dikemukakan sepenuhnya agar menjadi rujukan yang mapan bagi memudahkan pengguna mengambil manfaat daripada isinya. Format persembahan khususnya aspek rekaan grafik menjadi suatu daya penarik kepada penggunanya. Hal ini jelas kelihatan daripada paparan ilustrasi buku teks ini yang

lebih menarik dengan kepelbagaian ilustrasi di setiap tema pembelajaran. Namun begitu, jika diteliti daripada aspek soalan dan aktiviti, sukatan buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 tidak mengikut aras Taksonomi Bloom. Terdapat soalan dan aktiviti di dalam tema-tema awal buku ini berada di aras yang tinggi, iaitu aras mencipta. Perkara ini perlu dikaji semula untuk menambah baik aspek pentaksiran dalam buku teks ini.

Dari aspek penyampaian isi kandungan, buku teks Bahasa Malaysia Menengah Tinggi Satu SMPC lebih ringkas dan padat. Tema-tema pembelajaran lebih berfokus kepada kemahiran-kemahiran utama dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Daripada aspek rekaan grafik, buku teks ini adalah lebih ringkas dan bilangannya minima. Namun penyusunannya lebih memudahkan pengguna untuk menelaah isi kandungan yang berfokus memandangkan Bahasa Melayu merupakan bahasa kedua di SMPC. Aspek aktiviti, soalan kefahaman, dan latihannya pula juga bersifat ringkas dan mudah difahami kerana kebanyakannya adalah beraras rendah. Ini sangat berbeza dengan buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 yang didapati mempunyai sangat banyak aktiviti dan mengaplikasikan strategi dan kaedah pengajaran Abad ke-21.

## RUJUKAN


Abdul Razaq Ahmad & Mohd Mahzan Awang. (2016). Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Mata Pelajaran Sejarah: Perlaksanaan dan Cabaran. Proceeding 7th International Seminar on Regional Education. 435-445

Akta Pendidikan 1996. Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997. Dipetik pada 18 April 2024, https://www.moe.gov.my/kurikulum-kebangsaan

Azhar Md Sabil, Shamsuddin Othman, Abu Bakar Razali dan Rosmaria Omar. (2022). Penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dalam kalangan Guru Bahasa Melayu Menengah Rendah: Kajian Rintis. ANP Journal of Social Science and Humanities, 3(2), 65-71. https://doi.org/10.53797/anp.jssh.v3i2.11.2022

Bennett, K. P., Erickson, J. S., Svirsky, A., & Seddon, J. C. (2022). A Mathematics Pipeline to Student Success in Data Analytics through Course-Based Undergraduate Research. The Mathematics Enthusiast, 19(3), 730–750. https://doi.org/10.54870/1551-3440.1573

Chin Tek Yoong & Nur Atiqah Tang Abdullah (2023). Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) dan Sijil Peperiksaan Bersama (UEC): Pertikaian dan Perbahasan. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8(1), e002042-e002042.

Collins, A. (2011). Ahli Pendidikan Cina di Malaysia: Pejuang Jati Diri Masyarakat Cina. Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu. 2(2). 17-39.

Hanafi Mohd Tahir, Normah Mustafa, Wan Amizah Wan Mahmud (2018). Peranan Visual Reka Bentuk Kulit Buku Terhadap Kemudahbacaan Khalayak. Malaysian Journal of Communication Jilid 34(4) 2018: 271-284.

Jawatankuasa Kurikulum Bersama Jawatankuasa Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia (2020). Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) Malaysia Mac 2020 (Versi Percubaan).

Marmi Mariana Zakaria dan Dahlia Janan (2022). Penggunaan Buku Teks Dan Penerimaan Ilustrasi Dalam Kalangan Guru Dan Murid: Pendekatan Kualitatif Dan Kuantitatif. Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education Vol. 12, No. 1, 80-98.

Mohd Mahzan Awang, Noor Azam Abdul Rahman, Noraziah Mohd Amin, Abdul Razaq Ahmad. (2015). Mesej Perpaduan Dalam Buku Teks Bahasa Malaysia Tingkatan 4 Dan 5: Analisis Terhadap Peribahasa Melayu. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ) Vol. 5, Bil. 1 (Mei 2015): 44-52.

Nurul Hasna Hasan, Ahmad Arifin Sapar & Saedah Siraj. (2020). Analisis kandungan terhadap penampilan kandungan, soalan dan aktiviti buku teks Bahasa Melayu Kurikulum Standard Sekolah Rendah tahap dua: data anekdot. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 8 (2): 1-12. Diperoleh daripada https://juku.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/23065/11512

Qhairunnisa Abdul Aziz. (2015). Ilustrasi Dalam Buku Teks Bahasa Malaysia Tahun Dua Sepanjang Tahun 1974-1984

Sinar Harian (2023). Kerajaan Digesa Semak Semula Peruntukan Sekolah Cina Persendirian. Dipetik pada 21 April 2024, https://www.sinarharian.com.my/article/256255/berita/nasional/kerajaan-digesa-semak-semula-peruntukan-sekolah-cina-persendirian

Tomlinson, C.A. & Imbeau. (2010). Leading and Managing a Differentiated Classroom. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.

Tomlinson, C.A. (1999). The Differentiated Classroom: Responding to the Need of A ll Learners. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development

Vitta J. P. (2023). The functions and features of ELT textbooks and textbook analysis: a concise review. RELC Journal, 54 (3): 856-863. Diperoleh daripada https://journals.sagepub.com/doi/epub/10.1177/00336882211035826\

Zamri Mahamod. (2018). Pemikiran Inventif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.